

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**PENYATA RASMI (HANSARD)**

**MESYUARAT PERTAMA**

**DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

**[DRAF AWAL]**

**HARI ISNIN**

**9 RAMADAN 1446**

**BERSAMAAN 10 MAC 2025**

**(HARI KELAPAN)**

[DRAF AWAL]  
**DEWAN MAJLIS**

Hari Isnin, 9 Ramadan 1446 / 10 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**HADIR:**

**YANG DI-PERTUA:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji

Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

#### **TIDAK HADIR:**

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

**Yang Mulia Jurutulis:** Bismillahir Rahmani Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari ke-8 pada hari ini, Isnin, 9 Ramadan 1446 bersamaan 10 Mac 2025, didahului dengan doa selamat.

#### **DOA SELAMAT**

**(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada hari ini untuk bersidang bagi hari ke-8 dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam, kaum kerabat, para sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan urusan mesyuarat seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Waktu pertanyaan bagi jawab lisan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Waktu pertanyaan bagi hari ini saya mulakan dengan soalan pertama iaitu dari Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed kepada Menteri Pembangunan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (*Selawat dibaca*)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin untuk menjawab dua soalan yang di bangkitkan iaitu Persoalan Lisan 7 daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed dan Persoalan Lisan 85 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman kerana kedua-dua soalan ini berhubung kait dengan topik mitigasi risiko banjir. Kaola mohon.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Nanti dulu, jadi ertiinya soalan yang pertama dan soalan yang kedua.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Yang kedua Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola.

**Yang Berhormat Yang Di-pertua:**  
dan soalan?

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Soalan yang pertama

dan soalan yang kedua untuk dijawab di dalam ulasan ini sekali gus.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Tapi walau macamanapun, saya akan memberikan peluang bagi Yang Berhormat yang berkenaan ataupun Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang lain untuk menyuarakan soalan tambahan kepada soalan-soalan yang dikemukakan itu. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan pertama oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed meminta penjelasan jika Kementerian Pembangunan bercadang membina empangan sebagai langkah mitigasi jangka panjang bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan luar bandar agar kawalan aliran air lebih efektif dan mengelakkan kesan berulang setiap tahun. Ini memandangkan usaha menaik taraf jalan raya dan sistem perparitan yang sedia ada kurang berkesan dalam mengawal aliran air.

Dan soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan status infrastruktur dan perkhidmatan seperti lebuh raya, jalan raya, longkang, yang dalam keadaan yang rosak dan tidak terpelihara disebabkan hujan yang lebat dan banjir di beberapa kawasan. Persoalannya, bagaimanakah keberkesanan kolam-kolam tadahan yang dibina beberapa tahun yang lalu termasuk pedalaman dan pembersihan longkang agar air dapat

mengalir deras dan kedua ialah apakah terdapat perancangan penambahbaikan bagi usaha-usaha yang dibuat sebelum ini?

Untuk menjawabnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang lepas, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membina 21 buah kolam takungan di kawasan berisiko banjir dengan perbelanjaan berjumlah BND80 juta iaitu 10 kolam takungan di Brunei-Muara, 5 di Daerah Tutong, 5 di Daerah Belait dan 1 di Daerah Temburong.

Alhamdulillah, kolam-kolam takungan ini telah menunjukkan kesan kerana dapat mengurangkan banjir secara signifikan di sekurang-kurangnya 9 kawasan yang dahulunya kerap dilanda banjir. Sebagai contoh, Kampung Selayun kini tidak lagi mengalami banjir selepas siapnya Kolam Takungan Barang. Kesan positif dengan adanya kolam ini juga di kawasan lain seperti di Kampung Jangsak, Kampung Lugu dan Kampung Burong Pingai Berakas, di mana insiden banjir sama ada berkurangan secara ketara atau tidak berlaku lagi selepas kolam takungan tersebut dibina.

Walau bagaimanapun, kejadian hujan luar biasa pada Disember tahun lepas dan Januari pada tahun 2025 ini, yang mengakibatkan banjir di beberapa kawasan lain menunjukkan bahawa penambahbaikan berterusan masih diperlukan khususnya di Daerah Belait dan di Daerah Tutong. Oleh yang

demikian, Kementerian Pembangunan telah dan sedang merancang dan mula melaksanakan beberapa projek baharu bagi menambah infrastruktur mitigasi banjir jangka panjang di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 seperti berikut:

Pertama, Projek Kolam dan Saliran di Daerah Belait. Empat projek utama di kawasan yang terkesan banjir baru-baru ini telah siap direka bentuk iaitu *design stage* bagi Pembinaan Saliran Utama ke Stesen Pam di Kampung Sungai Bera, Seria; Penambahbaikan Sistem Perparitan di Daerah Belait Fasa 1; Skim Pencegahan Banjir, Pembinaan Stesen Pam di muara keluar Jalan Maulana, Kuala Belait; dan Pembinaan Stesen Pam Saliran di Fasa 17, Seria. Projek-projek ini akan dibuka *tender* suku akhir bulan Mac 2025 ini.

Kedua, Pembesaran Kolam Takungan dan Saliran di Daerah Tutong. Kapasiti takungan di Daerah Tutong akan dipertingkat dengan pembesaran Kolam Takungan Kuala Abang dalam mana, *tender* telah dibukakan pada bulan Januari 2025. Di samping itu, Skim Pencegahan Banjir Pekan Tutong, Kampung Keriam dan Bukit Bendera telah mula ditawarkan yang melibatkan pembinaan sistem perparitan baharu, sebuah kolam takungan limpahan, serta pintu kawalan air, *sluice gate* untuk mengawal paras air sebelum memasuki Sungai Tutong ketika hujan lebat. Tawaran ini juga telah dibuka pada bulan Disember 2024.

Ketiga, Projek Saliran di Daerah Brunei-Muara. Tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan yang masih sering dialami banjir. Projek Pengurusan Banjir Kampung Pasai/Mulaut Fasa 1 kini di peringkat reka bentuk. Selain itu, Projek Penambahbaikan Perparitan di Jerudong Fasa 1 telah bermula untuk membesarkan longkang dan memperbaiki aliran air diikuti kerja-kerja Fasa 2 yang dijadualkan pada tahun 2025 ini di samping kerja menaik taraf longkang di kawasan Kampung Lambak Kiri Jalan Pasir Berakas, Kampung Sungai Akar dan Kampung Sungai Buloh. Projek Mitigasi Banjir Sungai Kedayan Fasa 6 di Kampung Pangkalan Gadong sedang dalam peringkat perancangan sebagai usaha mitigasi banjir di sepanjang Sungai Kedayan. Di samping itu, Stesen Pam Jalan Jerambak Berakas kini dalam proses peningkatan supaya lebih efisien mengepam keluar air kolam takungan semasa hujan lebat, sekali gus mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitarnya.

Keempat, Pelebaran dan Pengorekan Sungai-Sungai Utama. Kerja-kerja pengorekan dan pelebaran sungai-sungai utama, anak sungai dan kolam di seluruh negara sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti aliran sungai. Melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, beberapa batang sungai utama telah selesai dibuat pengorekan seperti di Sungai Kedayan, Sungai Brunei dan Sungai Damuan. Usaha ini diteruskan lagi di dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini dengan konsep yang sama di mana beberapa batang sungai

lagi akan dilebarkan dan dibuat pengorekan seperti di Sungai Pepakan, Sungai Telamba dan Sungai Kelakas di Daerah Tutong. Projek pembinaan *second outlet* Sungai Tutong Fasa 1 juga menyediakan laluan aliran kedua bagi Sungai Tutong demi mengurangkan risiko limpahan di zon hulu sungai. Tawaran akan dibukakan pada bulan Mei tahun 2025 ini. Di Daerah Temburong pula, Projek Menaik Taraf Saliran Sungai Temburong Fasa 1 akan diharap untuk memperbaiki sistem saliran ke sekitar Pekan Bangar. Tawaran ini akan dibukakan pada bulan Mei 2025 ini; dan

Kelima, kajian untuk masa depan. Pelan Induk Saliran Negara dan kajian pengurusan banjir lembangan Sungai Belait dan Sungai Temburong akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini. Selain itu, kajian awal projek perlindungan pantai juga dijalankan untuk menilai langkah menangani hakisan pantai dan limpahan air laut di kawasan pesisir. Tawaran bagi kedua-dua kajian ini akan dibukakan pada bulan Mac ini. Objektif kajian berkenaan adalah untuk mendapatkan data yang *detailed* untuk tujuan merancang inisiatif mitigasi banjir yang lebih komprehensif, terkawal dan berkesan. Di samping projek Rancangan Kemajuan Negara, usaha mitigasi banjir juga dilaksanakan di bawah perbelanjaan peruntukan tahunan Jabatan Saliran dan Pembetungan. Antaralain:

Jabatan Saliran dan Pembetungan membantu Jabatan Kemajuan Perumahan menambah baik sistem saliran untuk mengelakkan banjir kilat

dengan pembinaan longkang yang lebih besar, *culvert* dan *sump* tambahan di Rancangan Perumahan Negara. Empat projek yang dilaksanakan iaitu Jalan Wasai Limuru, Jalan Binglu di Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, Jalan Sungai Cerana Rancangan Perumahan Negara Mengkubau dan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang dengan kos jumlah sekitar \$1.55 juta.

Bagi tempoh tahun 2023 hingga 2026, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Saliran dan Pembetungan mempunyai kontrak-kontrak penggal bagi kerja penyelenggaraan berjadual seperti pengorekan longkang dan kolam, pemotongan rumput, pembersihan, penggantian pagar keselamatan di kolam takungan serta operasi dan penyelenggaraan pam saliran. Secara keseluruhan sekitar \$8.2 juta diperuntukkan untuk 9 kontrak penggal bagi seluruh negara mengikut zon, iaitu 4 di Daerah Brunei Muara, 3 di Daerah Belait, 1 masing-masing di Daerah Tutong dan di Daerah Temburong. Secara kesimpulannya, Rancangan Mitigasi Banjir dalam jangka masa yang panjang akan didasarkan kepada hasil kajian dan pelan induk yang disebutkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 khususnya untuk mengenal pasti projek-projek besar yang perlu dilaksanakan di bawah rancangan akan datang umpamanya RKN-13 dan seterusnya. Langkah ini di samping projek-projek di bawah RKN-12 ini yang disampaikan tadi mencerminkan komitmen yang akan terus diambil untuk

meningkatkan kedayatahanan mendepani cabaran dan risiko banjir di masa depan. Atu tah jawapan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih. Ada yang mau menyoal lagi? Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

**Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mohon pencerahan kali Yang Berhormat Menteri, bahawa sambil menanti Projek Mitigasi yang akan dilaksanakan akan mengambil masa paling panjang disebabkan kekerapannya berlakunya banjir-banjir kilat di kawasan-kawasan pembangunan seperti di kawasan perumahan dan *business-business entity*. Apakah ada fasiliti atau *entity* kerajaan yang dapat dihubungi untuk dapat memberi bantuan untuk membantu individu untuk pembersihan yang selalu terjadi disebabkan oleh kebanjiran? Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai dengan soalan yang dibangkitkan tadi di kawasan-kawasan yang sering menghadapi risiko

banjir ini di kawasan perumahan dan kawasan-kawasan perniagaan seperti yang ditanyakan tadi dan jua kesan-kesannya untuk melakukan pembersihan. Di dalam membuat pembersihan kesan daripada banjir ini, yang jika ia melibat kawasan-kawasan awam jadi setentunya tindakan itu akan dibuat oleh jabatan-jabatan di dalam kawasan autoriti daerah dan jua melibatkan juga peranan daripada Jabatan Kerja Raya dan jabatan, agensi-agensi di bawah Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah dan di mana ia melibatkan kawasan-kawasan persendirian. Tapi apa yang terjadi sebelum ani ada penglibatan daripada satu, dengan peranan yang diambil oleh Ketua Kampung yang melibatkan jua dan berhubung dengan agensi-agensi melibatkan agensi daerah dan jua JKR sendiri untuk menyediakan peralatan-peralatan dan juga memberikan tenaga-tenaga sukarelawan untuk membantu di dalam membuat pembersihan-pembersihan ini.

Ini perkara ini pernah dibuat satu di Daerah Brunei dan Muara ani, apa tu, kaola kurang pasti macam mana perkara ani telah dibuat di Daerah Belait tapi sekiranya perkara ini terjadi apa yang diperlukan ialah untuk berhubung dengan satu, kitani ada jua peranan yang banyak dipermainkan secara aktif oleh apa tu Majlis Bencana Kebangsaan

dengan juga peranan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Kerja Raya untuk membantu. Atu yang dapat saya berikan apa tu responsnya setakat ani, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Soalan yang ketiga, iaitu dari Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas pertanyaan PL74 mengenai perancangan kementerian bagi memulihara dan memelihara bangunan-bangunan bersejarah yang dilindungi di bawah Akta Perintah Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam.

Untuk makluman, Jabatan Muzium-Muzium melalui akta ini telah mewartakan 27 tapak bersejarah, merangkumi 15 monumen dan 12 Makam Diraja, yang diiktiraf berdasarkan nilai sejarah, seni bina, budaya dan ekonomi. Namun tidak semua bangunan ini berada di bawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Muzium-Muzium tetapi ianya tetap tertakluk kepada akta yang ditetapkan.

Sejak tahun 2015, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bersejarah negara. Antaranya termasuklah pemulihan Taman Arkeologi Kota Batu pada tahun 2015, Muzium Daerah Belait pada tahun 2016, pemuliharaan Makam Sultan Bolkiah dan Sultan Sharif Ali pada tahun 2020, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja pada tahun 2022 dan konservasi Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Tapak Arang Batu pada tahun 2024.

Selain itu, Projek Jejak Warisan atau pun *Heritage Trail* yang diperkenalkan sejak 2017 telah menghubungkan beberapa monumen bersejarah di Bandar Seri Begawan dan sehingga kini telah berjaya menarik lebih sejumlah 30,000 pelawat setiap tahun.

Dalam memastikan keselamatan dan pemeliharaan tapak-tapak bersejarah, beberapa langkah telah diambil dan dirancang. Ini termasuklah pemasangan papan tanda maklumat dan larangan di lokasi-lokasi berisiko, penyediaan pagar keselamatan dan pusat informasi bagi pengunjung dan kerjasama dengan UNESCO untuk mendapatkan kepakaran dalam pemuliharaan warisan.

Kementerian ini juga giat menyusun senarai bangunan berpotensi untuk dimasukkan dalam Inventori Warisan Negara, bagi memastikan warisan bersejarah yang mempunyai nilai tinggi akan terus terpelihara.

Dengan usaha berterusan ini, pemeliharaan warisan bukan sahaja menjaga sejarah dan identiti negara

tetapi juga berpotensi untuk memberi impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi Brunei, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Soalan yang keempat dan soalan yang kelima. Soalan yang keempat dan kelima ini, soalan yang keempat telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan yang kelima yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, dua soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan melalui Kenyataan Menteri sebelum ini. Walau bagaimanapun, saya ingin membuka peluang bagi soalan tambahan atau *supplementary questions* dengan keutamaan diberikan kepada Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan tersebut sebelum Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ikut serta. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

**Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berkaitan dengan *alternative assessment* untuk 'O' Level ini kerana kalau sudah ada rancangan Kementerian Pendidikan

untuk kiranya beralih kepada *alternative assessment* yang lain, kaola ingin bertanya kalau adakah sudah persediaan rancangan umpanya dari segi latihan guru, kurikulum dan pengiktirafan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas soalan tersebut. Ianya adalah mengenai dengan kaedah *alternative* daripada kalau kaola/saya tidak salah, tidak silap ianya bukan sekadar laluan *alternative* tetapi ia adalah juga mengenai dengan *assessment*.

Pada masa ani, selain daripada 'O' Level, pada masa ani kanak-kanak kitani mengambil atau pun menduduki peperiksaan GCE 'O' Level dan juga IGCSE. Memang ada perancangan daripada pihak *board examination* yang menawarkan program atau pun *assessment* ini untuk mengubahnya kepada satu peperiksaan yang mungkin ia punya kandungan atau pun *format* pemeriksaan akan berubah sedikit iaitu kepada IGCSE, *breadth* dan juga *the depth* atau mungkin akan berubah dan ia mungkin akan berkuat kuasa dalam beberapa tahun lagi. Ia memerlukan satu persiapan bukan sekadar daripada pihak guru-guru dan juga kurikulum tetapi mentaliti para pelajar kerana ia cara menjawab akan berubah daripada *level of difficulty*, kalau misalnya daripada

*knowledge level* kepada *comprehension level*, ia merupakan satu persediaan yang sangat-sangat rapi, memerlukan.

Jadinya pertanyaan ani adalah satu pertanyaan yang baik dan sangat sesuai ia diajukan pada ketika ini kerana kita pun baru mendapat penghebahan mengenai dengan pertukaran peperiksaan ani pada beberapa bulan yang lepas. Jadinya, Insya-Allah pihak Kementerian Pendidikan akan terus berhubung dan bekerjasama dengan pihak yang berwajib yang menawarkan ataupun, minta maaf, pihak yang menyediakan *Board of Examination* ani untuk memberikan lagi pencerahan-pencerahan dari segi kurikulum, dari segi *format assessment* supaya ianya akan dapat terus diberikan kepada pihak-pihak sekolah dan seterusnya kepada pelajar-pelajar.

Mengenai dengan *alternative assessment*, perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan ujian dan penilaian mungkin ani sedikit berlainan daripada jawaban saya tadi tetapi ingin memberikan sedikit pencerahan saja. Mengenai dengan ujian penilaian yang lebih holistik dan inklusif, pada masa ini pihak Kementerian Pendidikan melalui unit *EDGE* ataupun Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat di bawah Jabatan Pendidikan Khas ada juga melaksanakan penggunaan *Morrisby Platform*. Ia merupakan satu platform penilaian *psikometrik* untuk membantu pelajar-pelajar yang menunjukkan kecenderungan dan pencapaian akademik yang sangat baik dan cerdas

dan berbakat. Ianya mengenal pasti kekuatan dan kebolehan semula jadi pelajar.

Profil *Morrisby* mengukur potensi, bukan kemahiran atau pengetahuan yang diperolehi dan tidak terlalu dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan atau pun sosial. Ia menyediakan garis besar yang komprehensif tentang pembentukan intelektual seseorang serta cara bagaimana kebolehan mereka digunakan. Sejak menggunakan platform ini bermula Julai 2022 terdapat 78 pelajar yang berumur 15 tahun ke atas telah melengkapkan profil *Morrisby* dan 48 pelajar berumur 12 sehingga 14 tahun telah melengkapkan aspirasi *Morrisby*. Buat masa ini pihak Kementerian Pendidikan belum ada perancangan jua untuk melaratkan penggunaan *Morrisby* kepada semua pelajar seluruh negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekiranya tidak ada lagi, maka saya akan beralih kepada soalan yang keenam iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin. Dalam masa yang sama kaola memohon jua kepada Yang Berhormat Pehin kalau dapat kaola menjawab soalan yang ketujuh iaitu daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Walaupun soalannya berbeza daripada soalan yang pertama, tapi untuk sekali berdiri selajurkan tia kaola menjawabnya kalau dapat. Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Dr Awang Haji Mahali bin Haji Momin menanyakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan ketelusan, ani menarik ni bahasa *wordingnya* ani yang digunakan, perkataan yang digunakan di sini memastikan ketelusan dalam penggunaan dana walaupun statistik kutipan telah diterbitkan dalam laman web kementerian, pecahan perbelanjaan masih tidak didedahkan. Ani dari segi ketelusan, kemudian dari segi apakah usaha dalam menggalakkan lebih ramai orang menderma kerana statistik setakat 30 Jun 2024 adalah jumlah kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid mencecah \$2,340,388 dan perbelanjaan \$695,640.17. Ada dua perkara yang ingin kaola sebutkan sebagai memberikan latar belakang kepada jawapan kaola terhadap soalan ini.

Pertama, angka yang disebutkan dalam Ceraian (B) atau sebenarnya adalah kutipan setakat Jun sehingga Disember 2024, bukan keseluruhannya kerana keseluruhan daripada kutipan tabung

dana dari semenjak ia dilancarkan 2015 sehingga kepada 2024, lain angkanya Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan akan kaola sebutkan dalam konteks ketelusan yang dibagitahu oleh Yang Berhormat.

Yang kedua, perkara ketelusan ansi, telus. Kaola ingin memetik apa yang dimaknakan dalam kamus iaitu Kamus Dewan. Kamus Dewan, muka surat 1,638, telus ada dua makna; satu dapat masuk ke dalam lubang dan lain-lain, boleh senang menembusi, bulus, celus, lulus, semakna, makna sedemikian. Makna yang kedua pula ialah mudah difahami atau diketahui, tiada hal yang tersembunyi, ah ini yang penting, tiada hal yang tersembunyi dan tiada juga disangsikan dan sebagainya dan sebagainya, terutama sekali dalam perkara kewangan.

Jadi untuk telus itu, sejauh mana Yang Berhormat dengan soalan ini mengandungi unsur-unsur ada sangkaan atau kerana tidak faham atau kerana ada semacam kecurigaan-kecurigaan ertinya ada ketirisan dalam perkara kewangan tabung dana. Jadi dalam hal ini, kaola ingin menjelaskan lebih terperinci sedikit Yang Berhormat Yang Di-Pertua ah? Kaola mohon.

Pertama sekali ialah pengurusan tabung dana diurustadbir oleh Urusetia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam, dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ini adalah bersifat sementara iaitu sementara belum ada

lembaga yang ditubuhkan menurut undang-undang, sudah ada usaha-usaha sekian lama tapi undang-undangnya belum muktamad bagi diwartakan. Jadi sementara ini, itulah diuruskan.

Yang kedua, satu jawatankuasa yang sebagaimana yang tadi kaola sebutkan tadi adalah untuk mengawasi, mengawasinya iaitu Jawathuasa Kutipan dan Perbelanjaan, untuk mengawasi apa yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan laporan-laporan kepada jawatankuasa ini setiap bulan bahkan juga kepada Majlis Ugama Islam.

Jadi setakat itu boleh barangkali memberikan gambaran sejauhmana untuk mengelakkan kecurigaan-kecurigaan. Galakan menderma pula setakat ini yang sebenarnya telah banyak diusahakan ni Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bukan sahaja dengan apa yang sudah berjalan pada masa ini melalui masjid, melalui potongan tetap bulanan bagi pegawai-pegawai penjawat awam, bagi anggota-anggota yang beruniform dan bahkan juga daripada *GLS*, pegawai-pegawai *GLS*.

Antara yang nampaknya juga sangat menarik ialah ada penyertaan daripada syarikat telekomunikasi tempatan dari semasa ke semasa untuk membantu kutipan dan alhamdulillah, adalah berjaya setakat ini. Jadi untuk mengetahui, ah inilah, kalau barangkali daripada laman sesewang kementerian itu, indalahkan nya *sedetail-detaihnya* sebagaimananya orang yang dikehendaki dalam penyata audit bagi

lembaga-lembaga kewangan tertentulah untuk diisytiharkan melalui surat khabar dan sebagainya tetapi setakat mana yang dapat di sana, atulah yang dipetik oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Tapi petikan Yang Berhormat itu adalah petikan dalam bulan Jun, sementara yang ada pada masa ini sehingga kepada 3 Mac sebenarnya. 3 Mac ialah seperti mana yang kaola dapat sebutkan tadi, bahawa dari semenjak 2015 tabung ini dilancarkan sehingga kepada 2024 tahun lepas, kutipan keseluruhannya adalah \$30,404,548.23. Perbelanjaan ini \$9,906,742.06, setakat tidak dicampur dengan anggaran perbelanjaan ke hadapan iaitu beberapa projek pembinaan masjid yang dirancangkan, nanti kaola berikan *detaihya* Yang Behormat Yang Di-Pertua.

Maka dengan \$37 juta dan \$9 juta perbelanjaan setakat membaiki, membesarkan, mengubah suai, yang sudah dilakukan selama ani maka yang tinggal \$27,497,806.17. Jadi dengan itu, yang dikatakan ketelusan kalau dapat dikatakan ketelusan, apa yang kaola sampaikan hari ini adalah dan boleh dilihat jua di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama, inilah angka yang kaola sebutkan.

Berhubung dengan penggunaan tabung dana supaya mengelakkan sebarang kewahaman ataupun kecurigaan ataupun nya orang sangkaan-sangkaan, kaola sukacita menyebutkan sejak penubuhan tabung dana, beberapa

projek telah dilaksanakan yang meliputi pembinaan masjid baharu sebanyak 3 buah masjid yang sempat, iaitu Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut dengan harga \$3.56 juta, Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong dengan harga \$3 juta, Masjid As-Salaam, Kampung Junjungan, yang baru dirasmikan dalam bulan yang lalu adalah berharga \$5.2 juta.

Dan yang kedua, penambahan bangunan-bangunan masjid yang dinyatakan di sini ada Masjid Kampung Sungai Buloh, Daerah Brunei/Muara, menambah besar, jadi harganya \$876,094.03. Masjid Kampung Kupang, saya rasa Yang Berhormat di Kampung Kupang ani kurang pasti. Masjid Kampung Kupang sekarang ini sedang berjalan projeknya berharga \$1.129 juta lebih, Yang Behormat Yang Di-Pertua. Jadi untuk penambahan bangunan Masjid Kampung Kupang yang ada sekarang ini.

Yang ketiga ialah pemuliharaan masjid. Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang dengan perbelanjaan \$128,917.00 di Kiudang. Yang kedua, Majlis Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong sebanyak \$113,510.00 dan yang ketiga Masjid Kampung Pulaie sebanyak \$106,225.10.

Jadi untuk rancangan pembinaan masjid pula, ani yang penting ni, ani yang belanjanya Yang Berhormat Pehin perancangannya, perancangan dalam rancangan 5 tahun sebenarnya, jawatankuasa dengan kelulusan Majlis

Ugama Islam pada masa itu membuat rancangan 5 tahun, iaitu 5 tahun itu berdasarkan kepada pendapatan. Pendapatan yang diperkirakan dari 2018/2022, dirancangkan pada masa iaitu harga dalam \$3 juta Yang Berhormat Pehin, sebelum *COVID-19*. Jadi dirancangkanlah untuk 2018 sampai 2022 itu sebanyak 5 buah masjid dirancangkan, tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu, teknikal tambahan lagi dengan terjadinya *COVID-19* dan selepas *COVID-19* diteruskan juga rancangan-rancangan ini dalam pembuatan persiapan dan sebagainya, harganya sudah berbeza. Jadi yang dianggarkan \$3 juta sebuah inda lagi dapat Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Jadi bagaimanapun ialah akan ada rancangan sudah untuk membangunkan juga meneruskannya, pertama masjid baru Kampung Lamunin. Insya-Allah untuk dibawa ke Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei bagi sokongan dan ketetapan dengan anggaran peruntukan sebanyak \$5,776,214.65. Sudah \$5 juta. Kemudian cadangan masjid baharu Kampung Ukong, status pada masa ini dalam proses untuk dibukakan semula tender, sudah dibukakan tender Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan dikirakan agaknya orang terlalu besar maka semua tender dengan anggaran peruntukan sebanyak \$3.35 juta. Kemudian cadangan masjid-masjid baru, iaitu Masjid Tanjung Nangka anggaran \$4.9 juta, Kampung Lumut I anggaran \$5.05 juta, Kampong Sibut, Daerah Temburong anggaran \$3.06 juta.

Jadi status projek Masjid Kampung Tanjung Nangka dan Kampung Lumut I sedang dalam penyediaan tender dokumen oleh pihak JKR manakala projek Masjid Kampung Sibut akan dibincangkan dalam mesyuarat mengenai perkara yang berkaitan pembinaan, penambahan, pengubahsuaihan, pemeliharaan, membaik pulih, penutupan, perobohan bangunan masjid dan balai, iaitu yang ada 5P ni, Jawatankuasa 5P, panjang bunyinya.

Jadi kalau dilihat daripada apa yang kaola bentangkan ani barangkali dapatlah kaola cuba membayangkan sekurang-kurangnya mengurangkan rasa kecurigaan dengan ketelusan mengenai penyata-penyata kutipan yang kaola hadapkan ini kerana berhubung dengan Laporan Pecahan Perbelanjaan Tabung Dana bagi pembinaan masjid Negara Brunei Darussalam, sebenarnya yang disebutkan pecahannya atau inda ada, sebenarnya laporan lengkap ini laporan lengkap memang ada dibuat dan dihadapkan kepada pertama, kepada Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana, yang kedua kepada Majlis Ugama Islam dan yang ketiga ialah kepada Juruaudit Agung, ani penting.

Jadi tiga-tiga pihak ani menerima laporan bulanan. Jadi dengan sendirinya adalah untuk menghilangkan sebarang kecurigaan dan sebagainya, di sinilah mengatas atau dapatlah menjamin namanya untuk menghilangkan, mengurangkan kecurigaan-kecurigaan tersebut.

Merujuk persoalan Yang Berhormat Dr. Haji Mahali bin Haji Momin, iaitu sebagaimana kaola nyatakan tadi jumlah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi kutipan tabung dana bermula dari bulan Januari hingga bulan Jun 2024 saja tu. Bukan untuk setahun 2024 atau. Itu untuk kiraan 6 bulan. Kemudian dikongsikan jumlah keseluruhan tabung dana sebagaimana yang kaola sebutkan tadi, kalaualah ditolak setakat ganya mengubah suai, membaiki, membesarkan dan sebagainya maka memanglah akan berbaki \$9.9 juta, tetapi setelah ditolak rancangan ke hadapan maka bakinya adalah sebanyak apa yang disebutkan tadi lebih kurang \$2 juta.

Ini termasuk belum disebutkan di sini, *sunken account* kah yang 10% daripada kutipan disimpan khas untuk perbelanjaan pembaikan, *maintenance* kepada masjid-masjid yang dibangun di bawah tabung dana dan akaun itu memang ada dibuat.

Jadi oleh yang demikian, kaola berharaplah sebarang kecurigaan kerana perkataan telus ani tadi nya Yang Berhormat Yang Di-Pertua ada juga unsur-unsur kecurigaan, sangkaan selain daripada ketidak kefahaman kerana dari segi kutipan, dikatakan kalau ani terlampau laris di *vira*/kanlah misalnya ada rasa kecurigaan dan sebagainya mengenai tabung ani akan mejejaskan kutipan tapi alhamdulillah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sejauh ani apa yang didapati ialah kutipan adalah konsisten, konsisten trend meningkat daripada 2015 kepada 2024. Mula-mula

sekali 2015 sebelum ada skim mengenai kutipan tetap, sumbangan tetap cuma \$1.2 juta tapi setelah ada skim itu ia meningkat kepada \$3 juta, \$3.06 juta dan seterusnya 2017 \$3.2 juta, 2018 daripada \$3 juta membawa kepada \$4 juta seterusnya daripada 2019 eh 2018 itu membawa ke tahun lepas tidak kurang daripada \$4 juta.

Alhamdulillah. Maknanya kesedaran kitani kepada tabung ani sebagaimana yang dihasratkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membawa orang ramai menanam saham di akhirat. Tanggungjawab kerajaan untuk membina masjid akan tetap menjadi tanggungjawab kerajaan mengikut hukum syarak.

Walil Amri kitani, wali negara kitani negara Islam menjalankan pemerintahan dengan hukum-hukum Islam maka tanggungjawab negara, kerajaan untuk membangun masjid tetap konsisten. Atulah yang dinamakan pembangunan masjid di bawah RKN. Jadi, alhamdulillah mudah-mudahanlah menghilangkan sebarang kecurigaan atau pun nya orang kalau ada ketidakfahaman dihilangkan boleh dapat difahami kedudukan sebenar-benarnya dan kaola indalah jua kan benar-benari mengenai perkara ketelusan ani Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang bercakap ani sedikit itu, kaola dapat menganggap sedemikian orang yang aktif, aktif tidak menderma. kalau orang yang aktif menderma, duì kerana ia tahu kalau berkata-kata dalam menderma ani hilang tia pahalanya. Jadi

mudah-mudahanlah apa yang berdasarkan kepada pertanyaan sangat berharga pertanyaan dari Yang Berhormat, kaola hargakan dan kaola berharap apa pun penerangan yang diberikan dalam Majlis ini akan dapat mengatasi sekurang-kurangnya, mengurangkan atau bahkan mulalah menaruh keyakinan untuk sama-sama menyahut seruan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkara Tabung Dana Masjid.

Yang kedua, berhubung dengan persoalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, iaitu adakah kementerian mempunyai perancangan bagi mewujudkan jawatankuasa khas atau menggunakan *Artificial Intelligence*, *AI* bagi memantau kegiatan keugamaan di laman sosial seperti penceramah bebas, ajaran sesat dan seumpamanya.

Secara ringkas kaola boleh nyatakan bahawa pemantauan terhadap kegiatan keugamaan bukan berupa nya orang kan baru dirancang, kan baru dibuat. Adalah sebenarnya di bawah jawatankuasa kementerian, ada dua jawatankuasa khas mengenai perkara tersebut yang sudah bekerja sekian lama, iaitu Jawatankuasa Kawalan Kegiatan Keugamaan dan yang kedua ialah Jawatankuasa Mengkaji Amalan-Amalan Berugama. Jadi jawatankuasa ani selain daripada termasuklah juga amalan-amalan yang berugama atau mengenai tarikat-tarikat serta mengemaskinikan kriteria pengharaman jemaah dan

kumpulan keugamaan di Negara Brunei Darussalam. Mengenai teknologi *AI*, kaola sudahpun menjawab maknanya memang tidak ada rancangan untuk menggunakan teknologi pada masa ini tapi Kementerian Hal Ehwal Ugama salah satu daripada usahanya ke hadapan ialah akan menggunakan teknologi ani sebaik-baiknya dalam urusan tadbir dan sebagainya. Sukacita dinyatakan pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang meneroka dan menguji penggunaan Kecerdasan Buatan, *AI* dalam bidang tertentu dan dalam kumpulan terpilih sahaja. Belum sampai untuk nya orang untuk mengawasi mengenai perkara-perkara akidah dan sebagainya.

Yang kedua, fokus utama adalah untuk melihat bagaimana *AI* dapat membantu dalam pembuatan keputusan. Iaitu pembuatan keputusan kerja harian, berdasarkan analisis data dan laporan yang sedia ada. Ini bukan mudah ni. Kitani mesti menyediakan datanya dan menyediakan apa namanya tu, apa yang kan digunakan oleh *AI* ani mengganti otak kitani atau yang mesti disediakan awal-awal.

Jadi walaupun belum ada perancangan untuk menggunakan *AI* dalam pemantauan ajaran sesat di media sosial, kitani mesti menyedari pula cabaran seperti ketepatan sumber yang sahih. Mesti tu. Kerana yang dinamakan sesat atau inda sesat boleh jadi cuma setakat khilafiah. Khilafiah atau perselisihan pendapat.

Jadi mestilah ada sumber yang sahih bahawa perkara yang berbangkit itu sesat dan kitani mahu betulkan. Kalau perkara khilafiah, kitani turut-turutan ju masuk di sana makin tia banyak khilafiah. Macam-tah misalnya bila sampai bulan puasa ani, di media sosial dari 5 - 6 tahun malah 10 tahun yang lalu, soal mengenai batal inada batal *injection* dan sebagainya semua ditimbulkan. Jadi ada kaul mengatakan begini, ada begini, jadi inada abis tu kalau kitani kan turut-turutan. Tapi kitani berpeganglah apa yang kitani pelajari, apa yang kitani pegang, apa yang kitani amalkan. Sudah di sini, ertinya apa pun datang, kitani akan memakai apa yang kitani pakai di sini.

Macam atau tah juga mengenai dengan apakah nya orang Al-Fatiyah dibaca oleh makmum setelah imam sudah membaca dalam sembahyang. Sembahyang yang berbunyi, mahupun yang inada kedangaran, berjahi namanya atau. Semua dibahaskan. Berbalik-balik atau ju tu tahun-tahun.

Memang ulama-ulama ani memang suka perkara-perkara khilafiah ani dan akhirnya membawa kesulitan juga kepada orang ramai tapi mudah-mudahan kitani di Brunei tidaklah akan sedemikian kerana kitani sudah belajar ugama. Mempunyai kefahaman ugama tertentu. Da'i-da'i kitani adalah da'i-da'i yang terpakai bahkan hukum hakam yang ditentukan misalnya sama ada melalui fatwa atau melalui irsyad sudah jelas. Jadi indalah payah kitani kan nya orang kalau ganya setakat perkara khilafiah perkara apa kitani, tapi kalau benar-benar merupakan akidah yang

menyeleweng atau yang kitani pantau dan jawatankuasa ini adalah bertugas sedemikian. Kaola ingin mengucapkan terima kasih Pehin. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat meneruskan puasa.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Soalan yang kelapan iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin memohon izin untuk menjawab soalan PL14 dan PL84a iaitu soalan 8 dan 9a di dalam Perintah Harian memandangkan isu-isu yang disoalkan adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

**(Yang Berhormat Yang Di-Pertua memberikan isyarat tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah terima kasih di atas pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Othman berhubung dengan inisiatif-inisiatif setia ada dan yang dalam perancangan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi penglibatan serta mengangkat kepakaran *specialist* dan konsultan tempatan agar mereka setanding dengan pakar-pakar di pusat-pusat negara jiran dan antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin membetulkan satu fakta iaitu pembedahan pemindahan hati telah dilaksanakan di *Jerudong Park Medical Centre, JPMC* dan bukannya di *Pantai Jerudong Specialist Centre*. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa meneliti keperluan peningkatan kapasiti para doktor dan juga profesional kesihatan yang lain dalam bidang kepakaran yang diperlukan.

Doktor-doktor tempatan mengikuti latihan kepakaran di institusi-institusi bertaraf antarabangsa di luar negara. Maka Kementerian sememangnya mengiktiraf mereka yang telah tamat latihan kepakaran sebagai pakar yang setanding dengan pakar-pakar di luar negara. Mereka telah dapat menjalankan tugas-tugas klinikal dan bertanggungjawab sebagai pakar sejurusnya setelah mereka balik menamatkan latihan kepakaran.

Di samping itu, para doktor tempatan dan profesional kesihatan lain juga dijemput dan berpeluang menimba pengalaman untuk membentangkan

serta menerbitkan kertas dan jurnal di peringkat global. Dengan pendedahan ini, ianya mengiktiraf para doktor tempatan dan profesional kesihatan lain di peringkat antarabangsa. Tambahan lagi Kementerian Kesihatan juga mendatangkan teknologi mesin dan perubatan serta rawatan yang canggih dan terkini untuk digunakan oleh pakar-pakar tempatan.

Bilangan doktor tempatan yang dapat kelulusan peringkat pakar juga telah meningkat dari tahun ke setahun. Jika dibandingkan 15 tahun yang dahulu, jumlah pakar tempatan di Kementerian Kesihatan masa itu hanya dalam lingkungan 30 orang. Sekarang terdapat 128 orang doktor tempatan yang telah mencapai pengalaman dan kelulusan tahap pakar konsultan dalam pelbagai bidang yang dijalankan di pusat kesihatan, bidang kesihatan awam, pergigian dan bidang-bidang kepakaran di hospital seperti pediatrik, pembedahan, kecemasan iaitu peningkatan lebih 400%.

Walaupun mengambil tempoh masa yang panjang untuk mencapai tempoh ini, ianya adalah merupakan satu pencapaian yang sangat ketara. Dengan adanya doktor-doktor tempatan yang berkelulusan pakar dalam bidang masing-masing, mereka juga dapat menjadi tenaga pengajar bagi kursus *in-house* atau latihan yang dijalankan di institut pengajian di negara ini.

Di samping perkembangan jumlah pakar tempatan dan infrastruktur perubatan, *transfer of skills* daripada pakar asing

juga telah dapat dilihat hasilnya. Contohnya, beberapa prosedur rawatan dan pembedahan pesakit yang sebelum ini perlu dihantar ke luar negara atau dijalankan oleh pakar asing telah dapat dijalankan di Negara Brunei Darussalam seperti pembedahan jantung, pembedahan buah pinggang *transplant* di mana pasukan pembedahan adalah diterajui oleh konsultan dan pakar tempatan. Bagi pembedahan kompleks seperti pembedahan hati *or liver transplant*, konsultan ataupun pakar tempatan bekerjasama dengan pakar-pakar dari luar yang telah dibawa ke Brunei untuk menerajui pembedahan tersebut dan seterusnya memberi tunjuk ajar ataupun *transfer of skills* kepada pakar-pakar kitani.

Ini adalah satu aspek *returns of investment* bagi kerajaan di mana kepakaran mereka ini dapat dioptimakan dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam melatih doktor tempatan lain dalam latihan *internship* atau latihan kepakaran asas, menjalankan prosedur serta pembedahan dan seumpamanya. Kementerian menjangkakan prosedur rawatan secara berperingkat akan dikendalikan sepenuhnya oleh pakar tempatan selari dengan pencapaian jumlah pakar tempatan.

Dalam pada itu, kementerian berterusan mengenal pasti keperluan tambahan seperti *equipment* dan *facility* yang bersesuaian. Kementerian berharap rakyat dan penduduk negara ini memberikan kepercayaan kepada Kementerian Kesihatan dalam pemberian rawatan kepakaran sebanding taraf

antarabangsa. Seterusnya untuk mengukuhkan lagi pemberian perkhidmatan klinikal, Kementerian Kesihatan berterusan mengenal pasti jumlah tenaga kerja kedoktoran yang diperlukan. Kementerian Kesihatan masih memerlukan doktor asing untuk menampung pemberian perkhidmatan klinikal disebabkan masih kekurangan tenaga kerja tempatan, mengambil kira hampir 70 cabang kepakaran yang disediakan di kementerian ini.

Perancangan berterusan dilaksanakan untuk mengukuhkan jumlah tenaga kerja klinikal yang diperlukan dengan meneliti strategi pengambilan *procurement strategy* agar lebih teratur bagi memastikan doktor yang diperlukan dapat diambil berkhidmat dalam masa waktu yang dijangkakan *or timely* supaya tidak menjelaskan penyampaian perkhidmatan klinikal.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *so alhamdulillah* mendengar *news* yang pakar-pakar di Brunei, Brunei kitani makin bertambah, satu-satu soalan saja pada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, apakah insentif-insentif yang kitani dapat bagi untuk terus orang-orang Brunei kitani

ani, yang *training*nya lama tu ah untuk mereka terus bekerja di Brunei dan inda mencari perkerjaan di luar negara? Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkaitan soalan, soalan ini berkaitan dengan *brain drain*.

Saya ada menjawab soalan ini *I think* sama ada bertulis *or* soalan lisan kemudian. Walau bagaimanapun secara ringkasnya kaola menjawab. Alhamdulillah, ia adalah satu soalan yang sangat penting *and brain drain* ini bukan masalah negeri tani sahaja banyak negara pun mengalami masalah. Jadi apa yang diperlukan ialah beberapa faktor:-

Pertama sekali, *obvious is financial*, ia punya *remuneration*. Alhamdulillah, tahap gaji kitani ani boleh dikatakan dapat jua setanding lah dengan negara-negara yang tertentu tetapi *of course* ada negeri yang lebih daripada kitani lah, *so then another thing* satu lagi yang dikemaskinikan ialah pengambilan. Alhamdulillah.

Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang mana

pengambilan doktor-doktor tempatan ani inda lagi menunggu lama.

Biasanya akan menunggu setahun dua, dua tahun baru ada *confirm*. Ani Insya Allah dalam beberapa bulan sahaja dari gaji hari ke gaji bulan akan dicepatkan; dan

Seterusnya, setiap pakar *obviously they want to expand* dorang punya pengalaman dan kemahiran. Jadi dengan adanya latihan dalam perkhidmatan jua di mana pakar-pakar pun boleh mengambil *example* kemahiran yang mendalam *or subspecialty* di tempat-tempat yang tertentu.

Ani pun ada dalam skim perkhidmatan di dalam kerajaan dan seterusnya untuk memastikan keseimbangan waktu bekerja *make sure* dorang ani inda terlalu *burned out* *supposed to brain drain*.

Jadi untuk memastikan keseimbangan doktor ataupun situasi di sesuatu kepakaran atau inda terlalu berat so walaupun inda semua tani dapat menyabut tapi Kementerian Kesihatan bekerja kearah itulah *because* misalan untuk kepakaran *pediatric for example* ah, Bahagian Kanak-Kanak tani ada tiga orang pakar sahaja.

Jadi ini amat sukar untuk seluruh negara. Jadi bukannya Kementerian Kesihatan inda mahu mengambil ah. Alhamdulillah, tani ada jawatan tapi untuk mencari doktor untuk bekerja pekerja asing pun ada kepayahan lah ah, kalau adapun ia menahan di Brunei setahun dua lepas itu

ia melompat ke negeri lain. *So, the brain drain* bukan saja bagi untuk pakar tempatan juga pakar dari negara asing.

Dan seterusnya untuk memastikan keselamatan dan *in work place* misalan kitani juga menyediakan mesin-mesin yang *up-to-date* untuk memastikan doktor tempatan ani masih berghairah untuk me, apa ni meningkatkan kemahirannya dan atulah apa yang disebutkan ani sebahagian daripada faktor-faktor yang Kementerian Kesihatan ambil untuk memastikan pakar tempatan ani masih mahu bekerja di sini bukan saja untuk mengambil, nya orang, menyelamatkan tempoh ia punya *bond* 10 tahun lepastu keluar tia. *So, we just make sure the environment is conducive for them to continue, to learn and also to teach the youngsters.* Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang, kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dan pada hari ini kita akan berpindah

kepada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk tersebut di dalam Rang Undang-Undang dan Usul tersebut, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

#### **(Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang dan Usul sekarang dibincangkan di peringkat Jawatankuasa. Bab 1: Gelaran dan Permulaan Kuat kuasa yang mana menyatakan bahawa akta ini boleh digelar Akta Perbekalan 2025/2026 Tahun 2025 dan hendaklah bermula berjalan kuat kuasanya pada 1 haribulan April 2025. Saya kira bab ini tidak perlu untuk dibahaskan.

Oleh yang demikian, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk diluluskan bab ini sila angkat tangan.

#### **(Ahli-Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang, kita teruskan dengan Bab 2 iaitu Pengeluaran dan Peruntukan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II untuk memberikan penerangannya. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mencadangkan supaya wang yang diperuntukkan dalam anggaran hasil dan perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 bagi maksud-maksud gelaran SA01A hingga SA28A, SB01A hingga SB04A, SC01A, SD01A hingga SD09A, SE01A hingga SE12A, SF01A hingga SF06A, SH01A hingga SH06A, SJ01A, SK01A hingga SK08A dan SL01A hingga SL06A, SM01A dan SN01A hingga SN09A untuk Kementerian dan Jabatan yang berkenaan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual dan bagi Tajuk SP01A, iaitu sejumlah tidak lebih daripada B\$480 juta yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kumpulanwang Kemajuan Tahun 2025/2026 bagi maksud-maksud Gelaran 1201 hingga 1223 bagi maksud-maksud kemajuan untuk kementerian dan jabatan.

Yang Berhormat Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 dan juga Anggaran Belanjawan Kemajuan Tahun 2025 telah pun dibentangkan semasa Perbahasan Peringkat Dasar. Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas ulasan dan sekarang kita akan membahaskan Tajuk-Tajuk Jadual Bab 2 Ceraian 1.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa Perbahasan Peringkat Jawatankuasa ini adalah khusus bagi membincangkan belanjawan di peringkat kementerian dan ke jabatan.

Dalam setiap pecahan Tajuk, Ahli-Ahli Yang Dilantik mempunyai lima minit setiap seorang untuk berbahas dan menteri yang berkenaan diberikan lima belas minit untuk memberikan ulasan di akhir perbahasan itu.

Mana-mana perkara yang tidak sempat ataupun sampai diberikan respons dijawab oleh menteri, menteri-menteri berkenaan, maka menteri-menteri yang berkenaan bolehlah menyampaikan jawapan-jawapan mereka terus kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik. Kita mulakan dengan kumpulan Tajuk yang pertama.

**Yang Mulia Jurutulis:** Jabatan Perdana Menteri. Tajuk SA01A hingga SA07A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pecahan Tajuk ini terdapat tiga jabatan yang tertutup, iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan tidaklah perlu bagi kita untuk membincangkannya di dalam Dewan ini.

Tajuk ini sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

**Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, peningkatan peruntukan bagi pengurusan hal ehwal Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan, SDGs Kod Akaun 010/000 adalah satu langkah penting yang menunjukkan komitmen negara dalam memastikan setiap sasaran pembangunan nasional dicapai secara berkesan.

Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk memastikan pencapaian yang lebih nyata dan menyeluruh, pemantauan terhadap pelaksanaan wawasan ini perlu mengambil pendekatan *Whole of Government and Whole of Nation* di mana tanggungjawab tidak hanya terletak pada satu entiti atau sekretariat semata-mata tetapi melibatkan penyertaan dan penglibatan aktif semua pihak berkepentingan.

Dalam masa ini pemantauan data berkaitan Wawasan Brunei 2035 dan SDGs sebahagian besarnya dikendalikan oleh sekretariat yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekretariat ini memainkan peranan penting dalam mengumpul, menyusun dan menganalisis data.

Namun mekanisme pemantauan ini boleh diperluaskan agar lebih interaktif dan inklusif dengan membolehkan setiap kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat umum turut menyumbang kepada sistem pemantauan secara bersepada.

Sehubungan itu, cadangan dengan mewujudkan *dashboard* pemantauan Wawasan Brunei 2035 mungkin dapat membantu dan merealisasikan pendekatan *Whole of Government* yang mana pemantauan tidak lagi tertumpu kepada satu sekretariat sahaja tetapi diperluaskan kepada semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan dasar di bawah wawasan ini.

Dengan adanya *dashboard* ini setiap kementerian dan agensi boleh mengemas kini perkembangan dan pencapaian projek secara langsung memastikan bahawa pemantauan dilakukan secara *real time* dan berdasarkan data terkini.

Pendekatan ini boleh membolehkan penyelarasan lebih berkesan antara pelbagai pihak, mengurangkan pertindihan dan pelaksanaan dasar serta membolehkan setiap sektor melihat bagaimana mereka menyumbang kepada keseluruhan pencapaian negara.

Maklumat tidak lagi terpusat kepada satu unit sahaja tetapi dikongsikan secara terbuka untuk memastikan tindakan lebih cepat dan bersepada dapat diambil. Sebagai contoh jika terdapat kementerian yang sedang melaksanakan Projek Perumahan Mampan manakala kementerian lain menguruskan tenaga hijau, kedua-dua pihak boleh menggunakan platform yang sama untuk memastikan inisiatif yang dirancang bergerak selari dan saling menyokong antara satu sama lain.

Ini bukan saja akan memastikan kecekapan dalam pelaksanaan dasar tetapi juga mengukuhkan integrasi antara pelbagai sektor mencapai objektif pembangunan mampan negara.

Selain pemantauan di peringkat kerajaan, pendekatan *Whole of Nation* juga amat penting dalam memastikan bahawa setiap lapisan masyarakat dapat berperanan secara langsung dalam pembangunan negara. Untuk mencapai matlamat ini, cadangan *Citizen Reporting Dashboard* boleh diwujudkan sebagai satu platform yang membolehkan rakyat berkongsi maklumat dan memberikan maklum balas terhadap pelaksanaan dasar yang memberi kesan kepada mereka secara langsung.

Dengan adanya *Citizen Reporting Dashboard* rakyat bukan saja boleh menyampaikan maklumat, maklum balas mengenai satu projek pembangunan di kawasan mereka tetapi boleh juga melaporkan isu seperti kelewatan dalam pelaksanaan, keberkesaan inisiatif yang telah dijalankan atau sebarang cabaran yang mereka hadapi dalam mendapat manfaat daripada projek yang telah diperkenalkan.

Sistem ini akan memastikan bahawa pemantauan pembangunan bukan hanya dilakukan oleh kerajaan tetapi turut dipacu oleh input dari masyarakat menjadikannya lebih telus, komprehensif dan responsif terhadap keperluan rakyat sebenar.

Sebagai contoh sekiranya terdapat projek infrastruktur yang sepatutnya memberikan manfaat kepada komuniti tertentu tetapi tidak berjalan seperti yang dirancang, penduduk setempat boleh melaporkan keadaan sebenar di lapangan melalui platform ini. Maklumat ini kemudian boleh dikumpulkan dan dianalisis secara sistematis oleh pihak yang bertanggungjawab membolehkan tindakan pembetulan diambil dengan lebih cepat dan tepat.

Dengan adanya *dashboard* Wawasan Brunei 2035 dan *Citizen Reporting Dashboard*, kita dapat memastikan bahawa sistem pemantauan negara benar-benar menyeluruh dan inklusif, bukan saja melibatkan pelaksanaan dasar di peringkat kerajaan tetapi juga memberi ruang kepada rakyat untuk memainkan peranan yang lebih aktif dan memastikan keberkesaan pembangunan negara.

Dengan adanya mekanisme pemantauan yang lebih telus, terbuka dan berasaskan pemantauan yang aktif semua pihak kita akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk mencapai matlamat dalam rangka jangka panjang yang telah dirancang.

Dengan mengukuhkan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*, Wawasan Brunei 2035 bukan saja dapat direalisasikan secara lebih berkesan tetapi juga akan mencerminkan kehendak dan keperluan rakyat serta negara secara keseluruhan. Terima

kasih. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk membawa perbincangan ini dan perbahasan ini lebih efisien saya akan menyebut nama Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kemudian Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri akan menjawab soal-soal itu secara berkumpulan.

Jadi yang pertama tadi ialah Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed dan yang kedua Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, yang ketiga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, yang keempat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, yang kelima, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam dan yang keenam, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Saya persilakan sekarang.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya John Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:** Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Pertanyaan kaola di bawah Tajuk Kod 002-000 - Pengurusan Dasar-Dasar Kerajaan. Bagaimakah sebagaimana kita maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam sempena Hari Perkhidmatan Awam pada 30 September 2024.

Dengan tertubuhnya jawatankuasa tersebut setakat ini, apakah transformasi atau inisiatif ke arah mewujudkan pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih cemerlang, berkesan, berintegriti dan berkualiti secara holistik dengan penekanan kepada pendekatan *Whole of Nation Approach* dan *Whole Of Government Approach*.

Keduanya, di bawah tajuk Pengurusan Haluan *Manpower Planning* 006/002. Bagaimakah Jabatan Perdana Menteri memperkasakan fungsi MPEC dalam menangani isu pengangguran termasuk menyediakan program-program latihan kepada anak-anak tempatan supaya lebih *marketable* sedangkan peruntukan yang disediakan menurun daripada tahun 2024/2025 daripada B\$4,554,168 kepada B\$1,863,059 bagi tahun 2025/2026. Mungkin ada disediakan juga peruntukan yang lain, dimana dipohonkan penjelasan mengenai isu ini.

Perkara ketiga ialah bagi Jabatan Audit SO03A Kod 0100 Pengurusan Dasar Hal Ehwal Korporat dan 002/000 -

Pengauditan. Alhamdulillah, dalam pengamatan kaola, Jabatan Audit telah dapat mencapai dalam melaksanakan pengauditan kepada agensi-agensi kerajaan dengan KPI 71 daripada anggaran 75% bagi tahun 2023 dan 2024 dan sasaran bagi tahun 2024/2025 dan seterusnya 2025/2026 adalah 75%.

Kaola memohon pencerahan setakat manakah tahap keberkesanan dari hasil pengauditan tersebut bagi menghindarkan sebarang penyelewengan kewangan atau kuasa, mengoptimizkan penggunaan sumber kewangan secara berhemah dan *value for money* sekali gus mematuhi peraturan-peraturan kewangan dan seterusnya apakah langkah-langkah pemberian dalam membudayakan tadbir urus yang baik, *good governance* serta meningkatkan akauntabiliti pihak-pihak *stakeholders*.

Sekian, wabilahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismilaahir rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola.

Pertama, dalam Belanjawan Tahun 2025/2026, JPM telah menetapkan

8 program yang sama dengan tahun lepas, cuma pada tahun ini peruntukan perbelanjaan biasa JPM secara keseluruhan berkurangan sebanyak B\$13.97 juta, manakala peruntukan JPM Proper juga berkurangan sebanyak B\$25.78 juta.

Ke arah itu kaola memohon pencerahan mengenai sebab pengurangan ini dan adakah ianya tidak akan menjelaskan peranan JPM dalam memperkesankan lagi fungsi Jabatan Perdana Menteri selaku *lead* dan *coordinating agency*.

Kedua, kaola tertarik mengenai satu petunjuk prestasi utama JPM yang baharu iaitu jumlah penglibatan bersama pihak berkepentingan dan rakan strategik *Social Blueprint* dalam memastikan keberkesanan pembangunan sosial yang berdaya tahan dan inklusif.

Mohon pencerahan mengenai program ini terutamanya sasaran dan hasil yang bakal dicapai, *intended outcomes* khususnya mengenai impak besarnya kepada *stakeholders* yang terlibat.

Ketiga, kaola ingin menyentuh Tajuk Kecil 002/001 Permodenan Perkhidmatan Awam yang mana disediakan peruntukan sebanyak B\$302,000. Kalau kaola tidak silap, pada beberapa tahun yang lalu JPM telah memperkenalkan Kerangka Perkhidmatan Awam atau *Civil Service Framework*.

Ianya adalah satu inisiatif penting kerana kerangka ini bukan sekadar satu perubahan dasar tetapi ia adalah satu

langkah transformasi yang dirancang untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam secara menyeluruh.

Selain itu, kerangka ini dihasratkan untuk melahirkan sebuah perkhidmatan awam yang lebih dinamik, inovatif dan berorientasikan rakyat, *people-oriented*, mesra pelanggan serta mesra perniagaan, *business-friendly*.

Ia juga menekankan pentingnya akauntabiliti, integriti dan komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab, tindakan dan keputusan yang dibuat kerana kecekapan, ketelusan dan kualiti perkhidmatan awam sebuah negara banyak mempengaruhi keputusan para pelabur sama ada tempatan atau luar untuk membuat pelaburan di negara ini.

Kerangka ini meliputi banyak komponen penting diantaranya termasuklah yang memfokus kepada peningkatan *capacity building* dan *succession plan* yang mana langkah pertama memerlukan pengemaskinian pengukuhan kriteria penilaian prestasi, *performance appraisal* warga penjawat awam secara menyeluruh.

Kerana itu, kaola memohon pencerahan mengenai perkembangan terkini perlaksanaan inisiatif yang kaola nyatakan tersebut. Sekiranya kerangka ini masih digunakan, kaola sarankan supaya perkembangan setiap tahap pencapaian, *milestone* kerangka ini akan dikongsikan bersama dengan penjawat

awam dan orang ramai untuk mendapatkan daya tarikan atau *attraction* pemilikan bersama *ownership* dan sokongan padu dari semua pihak kerana penjawat awam perlu memahami peranan mereka dalam menjayakan transformasi ini manakala orang ramai perlu melihat bagaimana perubahan ini memberi manfaat kepada mereka.

Di samping itu, kaola juga memohon pencerahan apakah perancangan strategik JPM untuk membantu memperkesankan pensejajaran terutamanya ke arah meningkatkan ekosistem *business* di negara ini supaya ianya akan lebih kondusif, *business-friendly* dan receptive selari dengan perkembangan permodenan perkhidmatan awam ketika ini.

Pada tahun lepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya proses lantikan pembahagian jawatan dikendalikan oleh kementerian masing-masing. Perubahan dasar ini sudah setentunya akan menyegerakan dan menambah keberkesanan proses lantikan ini.

Kaola memohon dikongsikan berapakah jumlah kawatan kosong telah diisikan setakat ini melalui kaedah ini dan apakah langkah pensejajaran, pengawalan dan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh pihak JPM, JPA, SPA dan kementerian-kementerian ini supaya lantikan ini adalah selaras, adil dan saksama serta kriteria yang digunakan

adalah sejajar, *uniformed* dan *across the board* bagi semua agensi.

Dan yang terakhir, berkaitan dengan Jabatan Audit yang mana juga telah disentuh oleh rakan sejawat kaola.

Kaola ingin menyentuh mengenai dengan satu petunjuk prestasi utama jabatan ini yang berkaitan dengan peratus pengauditan dan laporan yang dikeluarkan ke atas badan *statutory* atau syarikat Kerajaan yang telah disasarkan kepada 80% setahun.

Diucapkan tahniah cuma kaola perhatikan sasaran ini nampaknya dalam peratus yang sama sehingga tahun 2027/2028.

Ini bermakna dalam 3 tahun yang akan datang jumlah *cumulative* laporan ini tidak diaudit akan meningkat kepada 60%. Ke arah, itu kaola ingin mendapatkan pencerahan mengenai langkah kehadapan JPM ke arah meningkatkan pencapaian tersebut.

Perkara ini kaola bangkitkan kerana pengauditan yang *on-time* kepada entiti-entiti ini boleh saja mengelakkan kemungkinan sebarang kerugian akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya terdapat perlaksanaan yang tidak mengikut peraturan perolehan dan *governance*, tadbir urus yang kurang kukuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia**

### **Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:**

Yang sebenarnya, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola nada ingin *intervention* di peringkat ani Yang Berhormat Pengerusi, *maybe* di *section* kedua karang, Insya Allah. Terima kasih.

### **Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola merujuk Tajuk SA01A Jabatan Perdana Menteri kod 002 000 Program Pengurusan Dasar-dasar Kerajaan dengan peruntukan keseluruhan bagi program ini sebanyak \$2,240,370.

Dalam hal ini, kaola ingin merujuk Petunjuk Prestasi Utama bagi tajuk ini iaitu jumlah pembaharuan atau pengemaskinian Peraturan Perkhidmatan Awam yang menyasarkan 5 program bagi setiap tahun kewangan bermula dari tahun 2023 sehingga ke tahun kewangan 2028.

Kaola mohon pencerahan, apakah kriteria utama pemilihan ataupun penilaian program-program yang disasarkan, bagaimanakah pengemaskinian program-program ini membantu pihak jabatan atau kementerian mencapai objektif pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih progresif dan mengukuhkan

urus tadbir kerajaan sepetimana yang dinyatakan di dalam objektif program ini.

Dan setakat ini berapakah peratus pembaharuan dan pengemaskinian yang telah selesai dilaksanakan, dan apakah impak dan kesan yang telah dilihat sehingga kini, dan yang terakhir, bilakah jangkaan *target* pembaharuan ini akan mencapai tahap 100 peratus dan seterusnya transformasi perkhidmatan awam dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Lau How**

**Teck:** Yang Berhormat Pengerusi,  
SA01 Jabatan Perdana Menteri.

Perubahan iklim terus menjadi cabaran utama bagi sektor pertanian dan perniagaan di negara ini. Ketidaktentuan cuaca serta peningkatan suhu bukan sahaja menjelaskan pengeluaran makanan tetapi juga memberi kesan kepada daya saing ekonomi tempatan.

Oleh yang demikian, peruntukan dalam Belanjawan Negara 2025/2026 merupakan langkah penting dalam memperkuuhkan daya tahan sektor ekonomi negara.

Dalam perkara ani, peruntukan lebih \$1 juta bagi pengurusan hal ehwal iklim Negara Brunei Darussalam serta hampir \$295,000 bagi pengurusan hal ehwal *Sustainable Development Goals*, SDG juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam menangani kesan perubahan

iklim dan mengukuhkan sektor ekonomi yang lebih mampan.

Seiring dengan Wawasan Negara Brunei, mencapai kepelbagaiannya ekonomi yang mampan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan keperluan transformasi ekonomi yang tidak hanya bergantung kepada satu sumber sahaja.

Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan strategi ini dalam sektor pertanian dan perniagaan, kaola ingin mengemukakan beberapa cadangan yang diharap dapat memperkuuhkan sektor ini.

Salah satu langkah yang boleh diberi perhatian ialah menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian. Kaedah seperti sistem pengairan automatik, teknologi AI untuk meramal ramalan cuaca serta penggunaan sensor tanah bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pertanian tetapi juga membantu penggunaan kos operasi.

Selain itu, penyelidikan dan pembangunan R&D dalam bidang pertanian perlu diperkasakan bagi menghasilkan tanaman yang lebih tahan tahap perubahan cuaca, ini bukan saja dapat memastikan perbekalan makanan negara lebih stabil tetapi juga mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

Oleh yang demikian, insentif kepada petani dan syarikat pertanian yang

mengamal kaedah penanaman lestari juga wajar diberi perhatian. Dengan adanya sokongan sedemikian, sektor pertanian akan dapat berkembang dalam ekosistem yang lebih lestari dan berdaya saing.

Dalam konteks perniagaan pula, usaha mempelbagaikan eksport ke pasaran seperti Chile, Mozambique, Columbia, Peru dan Mexico menunjukkan potensi besar untuk perniagaan tempatan berkembang ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, bagi memastikan sektor perniagaan dapat berkembang dalam ekosistem yang lebih lestari adalah penting untuk menyediakan insentif ikhlas kepada syarikat yang mengambil insentif dalam mengurangkan perlepasan karbon atau beralih kepada tenaga yang diperbaharui.

Langkah ini bukan sahaja dapat membantu syarikat mengenalpasti perubahan dalam pasaran global yang kini lebih menekankan aspek kelestarian tetapi juga menyokong agenda pembangunan hijau negara. Bagi memperkuuhkan lagi inisiatif ini, kaola mencadang agar kemudahan pembiayaan hijau diperluaskan kepada perniagaan dan ini beralih kepada teknologi mesra alam.

Dengan adanya skim pembiayaan yang lebih menyeluruh, syarikat akan lebih bersedia untuk melaksanakan perubahan dalam operasi mereka tanpa kalangan kewangan yang besar.

Pada masa ke semasa, persijilan hijau yang produk pertanian tempatan juga wajar diperkenalkan sebagai satu langkah untuk meningkatkan daya saing produk negara di peringkat antarabangsa. Persijilan ini bukan sahaja akan memudahkan akses produk tempatan ke pasaran luar, tetapi diberi nilai tambahan kepada industri pertanian negara.

Dalam perancangan ekonomi jangka panjang, jika negara berhasrat untuk menjadi hab dalam sektor kimia, perbuatan dan makanan, maka *maximise* sokongan kepada syarikat tempatan perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam.

Ini termasuk memastikan syarikat tempatan bersedia beralih kepada amalan perniagaan yang lebih mampan agar dapat bersaing dengan pemain industri di peringkat global.

Yang Berhormat Pengerusi, perubahan iklim bukan sekadar cabaran tetapi juga peluang untuk mengukuhkan daya saing sektor pertanian dan perniagaan serta menjana pertumbuhan ekonomi baharu dengan memastikan pembangunan ekonomi yang dasar hijau bergerak seiring dengan akan lebih bersedia untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan atas ekonomi yang kukuh dan berdaya saing.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli

Yang Berhormat, kita teruskan perbincangan ini dengan, kita masih lagi membincangkan tajuk SA01A-SA07A dan kita sekarang beralih kepada kumpulan kedua iaitu kita akan menjemput Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty bin Haji Abdul Mumin, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann. Silakan.

**Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Selamat pagi dan salam Sejahtera. Kaola ingin merujuk kepada tajuk kod 002/006 Pengurusan Hal Ehwal Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang telah mencatatkan kenaikan peruntukan sebanyak 15 peratus pada tahun ini.

Kaola mengalu-alukan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam menangani perubahan iklim seperti yang digariskan dalam *Brunei Darussalam National Climate Change Policy*, BNCCP dan sepuluh matlamat strategiknya yang diperkenalkan pada tahun 2020.

Komitmen ini diperkuatkan lagi dengan pelancaran *UK – Brunei Green Economy Framework* pada tahun 2024, penubuhan Pusat Teknologi Hijau dan Penyelidikan

Lestari di Universiti Brunei Darussalam, UBD serta *ASEAN Climate Change Centre*. Inisiatif-inisiatif ini amat dihargai namun kepraktisannya menjadi persoalan utama. Bagaimanakah kerajaan mengutamakan matlamat ini bagi memastikan pencapaiannya *Net-Zero Emissions* menjelang 2050. Soalan seterusnya, apakah pencapaian utama atau pun *milestone* yang ditetapkan antara sekarang dan 2050 bagi mengukur kemajuan.

Mengapa sasaran ini tidak dinyatakan di dalam indikator prestasi, KPI dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Negara. Sebagai contoh BNCCP telah menetapkan sasaran anggaran 60% daripada jualan kenderaan terdiri daripada *Electric Vehicles*, EV menjelang tahun 2035.

Kaola memahami bahawa *Electric Vehicle Joint Task Force* telah ditubuhkan bagi menyokong matlamat ini namun berdasarkan satu *policy brief* yang diterbitkan oleh Universiti Brunei Darussalam pada Januari 2025, hanya 19 EV telah didaftarkan setakat tahun 2023.

Jadinya, apakah peratusan terkini bagi jualan EV dan kereta hibrid? Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk menjadi contoh utama dengan menukar kenderaan kerajaan kepada kenderaan elektrik atau menetapkan mandat bagi semua kenderaan baharu yang didaftarkan adalah EV.

Kaola juga mengambil maklum bahawa *Brunei Climate Change Secretariat, BCCS* kini telah dinamakan semula sebagai *Brunei Climate Change Office, BCCO*.

Apakah kepentingan perubahan ini? Bagaimanakah *BCCO* memperkuuh koordinasi antara kementerian bagi memastikan matlamat dan komitmen perubahan iklim dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Akhir sekali, memandangkan 10 matlamat strategik *BNCCP* melibatkan pelbagai kementerian, bagaimanakah tanggungjawab terhadap setiap matlamat strategik ini dibahagikan antara kementerian-kementerian yang terlibat?

Adakah pembahagian tanggungjawab ini akan disenaraikan secara rasmi di laman *web climatechange.gov.bn* bagi memastikan akauntabiliti.

Soalan-soalan ini amat penting dalam memastikan komitmen iklim Negara Brunei Darussalam diterjemahkan kepada tindakan yang jelas, boleh diukur dan berakauntibiliti. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam membahaskan peruntukan Jabatan Perdana Menteri 2025/2026, kaola sukacita merujuk kepada petunjuk prestasi utama bagi Jabatan Perdana Menteri, iaitu kadar pengangguran

adalah 5.1% dan sasaran yang mendatar untuk 5 tahun akan datang, kekal pada 5%.

Mohon pencerahan mengapa ia kekal dan menunjukkan sasaran yang tidak menurun? Apakah kadar pengangguran sebenarnya? Kaola mencadangkan pihak jabatan membenarkan KPI-KPI yang lebih spesifik yang mentakrifkan kadar pengangguran sebenar berdasarkan pekerjaan tetap, sepenuh masa, pekerjaan di bawah potensi, *underemployment rate*.

Ini memberikan gambaran lebih jelas mengenai situasi pengangguran di Brunei dan adalah lebih berguna dalam memahami serta menyelaras pelan tindakan pekerjaan yang bersesuaian pada mada hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam waktu yang singkat benarkan kaola membawa tiga isu dalam sesi pertama ini. Kaola berpandukan soalan-soalan tentang bajet yang dikemukakan melalui buku biru anggaran hasil dan perbelanjaan, analisa KPI yang telah disuarakan dan mengcomparenya dengan objektif program agensi-agensi tersebut.

Tiga soalan kaola. SA01A - Jabatan Perdana Menteri, iaitu Wawasan Brunei 2035 berbajet \$238 ribu. Kaola mohon pencerahan bagaimanakah kita

mengukur kemajuan dan melihat hasil yang nyata yang telah dicapai setakat ini dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dari segi menangani isu nasional dan matlamat negara.

Kaola juga ingin menanyakan memandangkan hanya tinggal sembilan tahun saja lagi, adakah rancangan untuk memastikan semua agensi kerajaan yang berperanan menyumbang sama ada secara terus atau menyokong, mempunyai KPI yang bersesuaian untuk mengukur prestasi pencapaian sasaran wawasan mereka setiap tahun. Ini memastikan *the whole of government approach* direalisasikan. Soalan kedua, 006/001 iaitu *Manpower Planning* dan *Employment Council*.

Merujuk kepada Tajuk SA01A, Kod 006/000, adakah terdapat sebarang ramalan kerja berasaskan masa depan, *future work planning* dan mengambil kira analisis mendalam Pas Pekerja Asing, 75 ribu, disertakan dalam inisiatif-inisiatif dalam kod ini.

Ramalan kerja bila mengetahui pas kerja akan mansuh boleh membantu merancang program yang lebih strategik, meningkatkan kebolehpasaran anak graduan kitani, memastikan mereka disediakan untuk diserapkan dalam industri yang sentiasa berubah.

Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Audit 002 petunjuk prestasi utama; KPI bagi Tajuk SA peratus pengauditan yang melaporkan dikeluarkan ke atas badan juri dan syarikat kerajaan.

Mohon pencerahan adakah pengauditan dan laporan ini dikeluarkan merangkumi GLCs dan *company-company* FDI di mana kerajaan ada kepentingan strategik di dalamnya. Mengapakah sasaran peratusan pengauditan dan laporan yang dikeluarkan hanya ditetapkan pada 75%?

Mengapa tidak 100%? Jika program audit berdasarkan audit mandatori atau *Risk Based Audit Program*, bagaimanakah Jabatan Pengurusan menguruskan risiko sisa, *residual risk* bagi 20-25% badan *statutory* syarikat kerajaan yang tidak diaudit dan tidak dilaporkan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. SA01A, Jabatan Perdana Menteri - Pengurusan Dasar-Dasar Kerajaan, Kod 006 – Pengurusan Hal Ehwal Perubahan Iklim satu juta dan sembilan puluh lima ribu ringgit.

Kaola merujuk kepada Tajuk SA01A Kod 002/006 mengenai Pengurusan Hal Ehwal Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, khususnya mengenai penubuhan *ASEAN Center of Climate Change* di Brunei Darussalam.

Dengan peningkatan bajet daripada tahun lepas, apakah program-program yang boleh dilaksanakan sekarang, yang mendarangkan manfaat segera pada Negara Brunei Darussalam sementara

menunggu semua 10 tandatangan. Program-program ini hendaklah menyokong Ekonomi Hijau Brunei, *Brunei Green Economy*. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sukacita kaola merujuk Tajuk SA01A Kod 1202-001 dan izinkan jua kaola mengaitkannya dengan Tajuk SA28A: Memantapkan Pembangunan Sumber Manusia - Bangunan Awam iaitu kerja-kerja membina semula bangunan koperasi di Jalan Perindustrian Beribi, Pusat Pekerjaan Brunei, JCB.

Kaola mengambil maklum bahawa peruntukan bagi sumber pembangunan manusia pada Tahun Kewangan 2024/2025 yang berjumlah sekitar \$24 juta telah di ambil alih kepada peruntukan di bawah Pusat Pekerjaan Brunei, JCB iaitu sekitar \$19 juta.

Soalan kaola apakah rasional dan justifikasi pembinaan semula bangunan berkenaan sedangkan bangunan dan kawasan dalamannya masih lagi utuh, elok dan selesa. Kaola melihat dari segi keutamaan fokus perlu menjurus kepada pembangunan tenaga warga tempatan ketani.

Yang kedua, berkaitan jua dengan aktiviti pembangunan sumber manusia khusus warga tempatan, Alhamdulillah banyak

aktiviti-aktiviti yang di buat di sektor ICT, kesihatan dan pendidikan.

Sejak beberapa tahun ini kurang kaola mendengar aktiviti-aktiviti pembangunan tenaga warga tempatan dalam sektor-sektor yang beberapa tahun dahulu aktif seperti sektor pembinaan (*construction*) dan sektor pengangkutan dan logistic.

Adakah sektor ini masih relevan atau ada perubahan hala tuju mengenainya. Kaola mohon pencerahan.

Yang ketiga, juga mengenai pembangunan sumber manusia yang ada kaitannya dengan pengurangan kadar pengangguran negara.

Perkaranya ialah mengenai pekerjaan warga tempatan yang beralih dari pekerjaan tradisional sepenuh masa kepada tren ekonomi gig. Mengikut apa yang kaola fahami, ekonomi gig ini boleh dikaitkan dengan dua cara iaitu :-

Pertama, kerja dan penghasilan pendapatan di mana individu memilih untuk bekerja secara bebas, *freelance* dan *e-hailing* kontrak jangka pendek atau berdasarkan tugas; dan

Kedua, pendapatan melalui *forex trading* yang boleh di anggap sebahagian daripada ekonomi gig disebabkan sifatnya yang bebas dan fleksibel walaupun aktivitinya lebih kepada pelaburan dan spekulasi.

Penglibatan warga tempatan dalam aktiviti ekonomi gig ini termasuk

perdagangan mata wang asing *forex trading* telah menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran di negara ini termasuk belia-belia.

Apa yang ingin kaola sentuh di sini ialah pendapatan melalui *forex trading* yang kaola percaya ratusan anak barangkali seribu, ataupun beribu-ribu, tempatan mengambil cara ini sebagai hasil pendapatan pekerjaan sendiri.

Dalam hal ini apakah kiranya jika soalan kaola ini, tidak menjadi kesalahan iaitu tidakkah ada dalam perancangan atau penelitian pihak yang berkenaan untuk aktiviti ini dibenarkan.

Pada hemah kaola jika ia dibenarkan dengan mengikut prinsip kewangan Islam dan dengan kawalan-kawalan bersesuaian ia bukan saja memberi manfaat kepada pengurangan pengangguran di negra ini, tetapi juga bermanfaat dan dapat memberi keuntungan kepada pihak perbankan dalam negara melalui urusan transaksi kemasukan dan pengeluaran wang hasil pelaburan itu ke akaun-akaun *forex trader* berkenaan.

Yang keempat, Tajuk SA06A 217 iaitu khusus kepada meningkatkan keselamatan dalam negara. Seperti yang ketani maklumi, banyak tangkapan-tangkapan yang telah dibuat khusus bagi menangani isu penyeludupan barang-barang terlarang di negara ini.

Aktiviti penyeludupan ini berlaku di sempadan dan perairan negara

melalui jalan tikus. Saluran ni memang sudah di pantau oleh pihak berkuasa untuk usaha membendung usaha aktiviti-aktiviti ini.

Kaola percaya bermacam-macam lagi cara yang akan di buat oleh penjenayah menyeludup baranglarangan ini. Dalam mempertingkatkan lagi usaha-usaha Kerajaan, kaola cadangkan pihak kerajaan untuk memperkenalkan dan menggunakan *Drone Surveillance System* yang menggunakan kepintaran *Artificial Intelligence, AI* di sempadan dan perairan negara terutama sekali laluan-laluan tikus.

Sistem yang diintegrasi dengan *AI* ini sudah digunakan di peringkat global dan menampakkan keberkesanannya. Dengan adanya sistem ini dan dalam kawalan 24/7 dari pusat kawalan tertentu, ia akan dapat mengurangkan kawalan di sempadan oleh pegawai berkuasa dan tidak perlu berjaga di hutan-hutan.

Yang kelima, iaitu Kod 002-000 iaitu Program Hal Ehwal Majlis-Majlis Mesyuarat Negara. Khusus kaola merujuk objektif program memantapkan penyediaan mengendalikan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di dalam talian atau *video conferencing*.

Tahun ini adalah kali ketiga kaola berdiri di dewan yang mulia ini dan sebatah atau tah jua kaola bersyukur segala urusan persidangan berjalan dengan lancar, dari segi logistik dan kemudahan-kemudahan berkaitan termasuk liputan

yang sempurna. Syabas dan diucapkan ribuan terima kasih kepada yang Berhormat Yang Di-Pertua, Jurutulis, pegawai-pegawai dan sekretariat MMN yang berusaha gigih selama ini.

Dari pemantauan kaola, selama tiga kali bersidang ini ada menyentuh salah satu daripada perkara memerlukan penambahbaikan ialah proses dan kaedah catatan dan rakaman segala pembahasan semasa sepanjang musim pemacuan MMN.

Pemantauan kaola ialah dengan asasnya bahawa terdapat jawapan dan perbahasan dari sesetengah dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri Kabinet kepada soalan-soalan dan usulan-usulan dari Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tidak di jawab atau tersalah petik dari siapa soalan itu ditujukan terjadi kepada kaola dua kali setakat MMN-21 ini.

Ini akan menjelaskan rakaman dan catatan dalam *hansard* dan implikasinya rujukan yang akan salah di masa terdekat dan di masa akan datang. Sehubungan ini, kaola ingin mencadangkan pihak sekretariat MMN untuk memikirkan menggunakan kaedah rakaman dan catatan menggunakan teknologi terkini termasuk menggunakan teknologi AI.

Terima kasih dan minta maaf kerana mengambil masa seminit dua puluh saat.

**Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II diatas kenyataan berkenaan dengan fungsi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya di dalam merancang dan mengurus tadbir perbelanjaan yang disediakan sebanyak B\$552.3 juta iaitu sebanyak B\$324.3 juta bagi gaji kakitangan dan sebanyak B\$228.1 juta bagi perbelanjaan berulang-ulang.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sepetimana yang telah dinyatakan, Jabatan Perdana Menteri memberikan tumpuan kepada tiga keutamaan di dalam belanjawan negara sebagai usaha ke arah mendukung Wawasan Negara.

Di dalam melaksanakan objektif program berkenaan iaitu Pengurusan dan Pemantauan Perkembangan Pelaksanaan Wawasan Negara 2035 dan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan (*Sustainable Development Goals, SDG*).

Ini termasuklah pemberigaan *whole-of-government* dan *whole-of-nation* ke arah meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai Wawasan Brunei 2035 dan SDG. Ini termasuklah kerjasama padu yang diberikan oleh semua pihak di dalam merealisasikan Wawasan Negara

sepertimana yang digariskan di dalam petunjuk prestasi utama jabatan yang merekodkan 100% KPI Kebangsaan yang telah dilaporkan kepada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Dalam pada itu jika di ukur dari pelaksanaan yang telah dicapai, dimanakah kedudukan kita di dalam indeks pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Di dalam aspek keselamatan awam, kaola menyambut baik usaha Jabatan Perdana Menteri dalam memperkenalkan satu inisiatif baru yang dipelopori menerusi program pengukuhan fiskal negara iaitu *fiscal consolidation* yang akan dilaksanakan oleh projek penyewaan kenderaan dan motosikal untuk agensi-agensi penguatkuasa.

Perkara ini adalah penting bagi membina keyakinan orang ramai terhadap kewibawaan dari segi keupayaan pihak penguatkuasa di dalam menangani sebarang kemungkinan.

Di dalam memperkatakan soal pendekatan senegara ke arah memelihara kesetabilan politik dan kedaulatan negara daripada sebarang anasir yang tidak diingini, kaola mengharapkan agar penglibatan Pengawasan Kejiranan, PK dan Majlis-Majlis Perundingan Kampung, MPK menerusi biro-biro keselamatan perlu dipergiatkan dan diperluaskan skop tugas pelaksanaannya.

Ini termasuklah penyediaan kursus-kursus latihan yang relevan secara berterusan dan melengkapkan keselamatan yang sesuai apabila mengadakan rondaan bersama agensi-agensi keselamatan.

Sebagai langkah kewaspadaan, kaola juga mencadangkan agar latihan, lantikan keahlian dalam Pengawasan Kejiranan dan biro-biro keselamatan perundingan kampung hendaklah terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang yang sesuai seperti di kalangan pesara polis dan tentera atau manamana individu yang difikirkan sesuai dan berkebolehan di dalam hal ehwal keselamatan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II adakah mahu menjawab soalan-soalan yang berkenaan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik?

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas beberapa

soalan yang diajukan dalam Tajuk SA01A hingga SA07A.

Insya Allah, kaola akan mencuba menjawab sebahagian soalan di bawah portfolio kaola iaitu kebanyakannya mengenai dengan hal ehwal perubahan iklim dan juga *Manpower Planning & Employment Council* dan juga sedikit mengenai Wawasan.

Yang mana kalau sekiranya kaola anda sampat menjawab semua Insya Allah kaola akan menjawab secara bertulis.

Pertama sekali, kaola ingin juga menerangkan beberapa soalan mengenai dengan peruntukan disediakan dibawah *Manpower Planning* dan *Employment Council*, kenapa ada penurunan iaitu soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Sebenarnya, bermula 1 haribulan Julai 2024 Sekretariat Tetap *MPEC* telah menjalani penstrukturkan semula, menjadikan *MPEC* ani kedua organisasi berasingan yang mana peranan dasar dan strategi adalah dikendalikan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, *MPEC*.

Manakala pengendalian dan pelaksanaan program-program latihan adalah di bawah Pusat Pekerjaan Brunei, *Job*

*Centre Brunei* yang kini jua dinaik taraf selaku jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan atau disenaraikan dibawah SA28A akan dibincangkan insya-Allah esok hari.

Berikutnya dengan menaiktaraf *Job Centre Brunei* sebagai sebuah jabatan, jadi pelaksanaan program-program latihan sedia ada peruntukan bagi latihan-latihan pembangunan tenaga manusia juga sebelum ini dibawah tajuk hal ehwal *Manpower and Employment Council* jadi sekarang ini dijadikan di bawah SA028A Pusat Pekerjaan Brunei.

Seterusnya, ingin kaola juga menjawab beberapa soalan mengenai Wawasan. Pertama sekali, mengenai dengan pemantauan pencapaian. Ani diajukan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Jadi, untuk makluman pencapaian wawasan negara pada masa ini dipantau secara *online*. Sebenarnya, orang ramai boleh melihat melalui sistem *KPI Executive Management System*. Penambahbaikan sistem pemantauan ini sedang dijalankan dengan pengintegrasian *index* Wawasan Brunei bagi pemaparan perkembangan Wawasan Brunei 2035 yang lebih komprehensif.

Dalam perkara ini, penekanan diberikan kepada ketulusan data, petunjuk-petunjuk prestasi utama berkaitan

Wawasan kepada masyarakat awam agar ianya dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penyertaan padu dan memupuk kesedaran bahawa kejayaan negara adalah tanggungjawab bersama semua pihak masyarakat.

Selari dengan hasrat ini, satu *online platform* akan diwujudkan yang membolehkan kementerian dan agensi mengemaskini status KPI-KPI kebangsaan masing-masing agar pemantauan Wawasan Brunei 2035 akan lebih tulus, efisien, tepat, dan berdasarkan data terkini dan masa depan bagi melaksanakan perancang dan keputusan strategik.

Seterusnya mengenai dengan hal ehwal perubahan iklim. Kaola ada jua beberapa soalan mengenai perkara ini dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Jadi kaola untuk menjawab, Alhamdulillah, Brunei Darussalam berada *on-track* untuk mencapai sasaran komitmen iaitu untuk mengurangkan jumlah pelepasan *greenhouse gas*, gas rumah hijau, sebanyak 200 eh, 20 peratus menjelang 2030 berbanding tahap *business as usual*.

Sejak pengenalan dasar perubahan iklim Negara Brunei Darussalam, BNCCP pada tahun 2020, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau secara konsisten dan pada tahun 2023 negara telah berjaya mengurangkan pelepasan sebanyak

15 peratus berbanding tahap *business as usual* disebabkan oleh pelaksanaan strategi-strategi dibawah BNCCP.

Penaiktarafan *Brunei Climate Change Secretariat* kepada Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, BCCO adalah mengambil kira mandat tambahan yang telah diberikan dalam mengurus komitmen negara terhadap Perjanjian Paris dan pencapaian sasaran ditetapkan di bawah BNCCP.

Jadi, *BCCO* turut memainkan peranan penting dalam mengurus dan memantau arahan mandatori, *mandatory reporting directive* serta sistem laporan gas rumah hijau negara.

Penyediaan rangka kerja bagi pengurangan pelepasan gas rumah hijau mengurus penubuhan awal Pusat Perubahan Iklim ASEAN menjadi fokal negara serta menilai kedudukan negara di peringkat antarabangsa dalam masyarakat utama seperti *UNFCCC Conference of Parties, COP*.

Tahun ini pihak *BCCO* akan mengemaskinikan *BNCCP* dari segi analisis dasar yang sedia ada, andainya *methodology* dan peraturan dengan penglibatan agensi utama untuk mengaji dan menilai prestasi dan sasaran dalam konteks semasa.

Dengan ini, kenaiktarafan *BCCS* kepada *BCCO* jua mencerminkan isu perubahan iklim sebagai salah satu bidang tumpuan yang diberikan perhatian teliti oleh pihak kerajaan dalam menangani isu global

dalam kerjasama dengan dalam dan luar negara.

Mengenai dengan *electric vehicle* pada tahap an ini, jumlah yang didaftar setakat ini adalah 136. Walaupun hasil belum lagi nampak sangat menggalakkan tapi sebenarnya tujuan utama strategi ini adalah mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Kalau dilihat pada masa an ini, dikira walaupun yang kereta menggunakan *internal combustion engine* ada nampaknya ikut menurun juga.

Jadi, atulah yang kitani sentiasa *monitor* kalau dilihat dengan dari segi *EV* atau kenapa sambutan atau balum lagi sangat menggalakkan oleh kerana harga minyak kitani atau petrol dijual di stesen atau masih murah, jadi orang ramai mungkin belum lagi nampak banyak dapat dijimatkan lah.

Satu jua perlu kitani ingat, kitani jua melihat di luar negeri an ini, banyak menghadapi cabaran-cabaran jua mengenai dengan *EV*. Jadi perlulah kitani mengambil masa untuk sama-sama mempelajari dari negeri-negeri lain, inda semestinya kitani mesti *the first one to* jadi *hero* akan mencapai *EV* yang paling tinggi. Jadi kitani belajar jua apa cabaran-cabaran dihadapi oleh negara-negara di luar jadi supaya kitani dapat bila masanya kitani kan melaksanakan strategi *EV* atau lebih teratur.

Mengenai dengan MPEC. Pada soalan *future ready, work forecasting* dan sebagai, kalau kaola boleh insya-Allah kan menjawab secepat mungkin. Jadi pihak kerajaan melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, JPM telah dan sedang bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk pihak industri dan sektor awam dalam memastikan perancangan tenaga kerja adalah sentiasa selaras dengan keperluan industri sama ada keperluan ketika ini mahu pun jua keperluan masa hadapan.

Dari tahun 2023 hingga 2024, pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia telah mengadakan sebanyak 8 sesi perkongsian dan pengumpulan data bagi *manpower forecasting* yang telah disertai oleh lebih dari 300 buah syarikat-syarikat dari sektor swasta. Hasil daripada sesi-sesi berkenaan, telah membantu dalam mengenal pasti bidang kemahiran, kelulusan dan jumlah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan industri semasa dan akan datang. Secara keseluruhan, pihak industri memberi penekanan kepada bidang STEM, Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik serta bidang kesihatan. Penekanan jua diberikan kepada pengukuhan kemahiran asas dan *transferable skills* seperti *analytical thinking* dan *system thinking* di kalangan lepasan sekolah dan graduan agar mereka dapat memasuki pasaran kerja yang *dynamic* di pelbagai industri.

Menyentuh mengenai analisa terhadap Permit Kerja Asing, penganalisaan sedang dikendalikan melalui *Manpower*

*Industry Steering Committee* yang mana dianggarkan lebih dari lima ribu jawatan sedang diisikan oleh pekerja asing dapat diganti dengan pekerjaan tempatan dalam beberapa tahun yang akan datang. Untuk makluman, dapatan dan saranan mengenai keperluan industri dikongsikan secara berterusan kepada institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam termasuk Jawatankuasa Khas Bertindak Pengajian Tinggi dan Jawatankuasa Biasiswa agar perbekalan anak tempatan dapat disediakan bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan secara berterusan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan anak tempatan kitani dapat adalah *adaptive* sesuai dengan perubahan semasa. Mungkin setakat ini sahaja kaola akan dapat menjawab, yang mana-mana soalan belum dapat kaola menjawab insya-Allah kaola akan menjawab secara bertulis. Sekarang kaola berikan peluang kepada rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk seterusnya menjawab soalan-soalan di bawah Tajuk ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola pun sebenarnya banyak yang dicatit ini juga tapi kaola coba menjawab apa yang

kaola dapat jawab awal anji jika tidak sempat akan dibuat secara bertulis juga.

Pertama, kaola sukacita mengucapkan menjunjung kasih dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan sebentar tadi yang kaola mengambil baik cadangan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Tajuk SA03A – Jabatan Audit, sukacita kaola ingin menjawab soalan berkaitan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, iaitu menjawab tentang penggunaan teknologi seperti dron dan *Artificial Intelligence* bagi memantau keselamatan sempadan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *I think* Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin tadi mengulaskan untuk menggunakan dron dan juga *Artificial Intelligence*.

Untuk makluman Yang Berhormat, sempadan negara dikawal oleh pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan khususnya dalam memastikan kedaulatan negara dan keselamatan negara terpelihara. Agensi-agensi tersebut juga turut memainkan peranan yang utama dalam menangani aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Ini termasuk menggunakan peralatan seperti dron, andang sudah kitani gunakan tapi bagi untuk tujuan menutup, melindungi modus operandi di pihak penguat kuasa barangkali kaola tidak akan mendiskusii perkara yang dilaksanakan pada peringkat operasi atau pun *tactical* kerana mungkin saja jadi serampang dua mata karang digunakan oleh orang yang mendangar

jua, jadi cukuplah memberi yang bahawa sistem-sistem baharu ani telah digunakan dan akan digunakan jua dan diberikan peningkatan dari masa ke semasa.

Tadi mengenai dengan pemantauan wawasan ani kali sebagai tambahan jua, ia memang ada *executive anu management* sistem sedang dijalankan dan bermesyuarat jua untuk pada setiap-tiap waktu untuk memastikan ia dapat dipeduli dan dirancangkan dengan sebaiknya jua dan tertentu telah pun direviu dari masa ke semasa. Dan ada jua tadi barangkali Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee atau pun anu mengenai dengan isu pengawasan kejiranan.

Pengawasan kejiranan ani memang satu cadangan yang baik jua, melibatkan pesara-pesara tentera polis ataupun pihak-pihak yang kepentingan yang lain. Namun demikian, isu pengawasan kejiranan ini, ia melibatkan jua *whole of government* di mana pihak-pihak kepimpinan akar umbi jua ada berperanan yang mana Kementerian Ehwal Dalam Negeri pun memantau jua kegiatan-kegiatan ini melalui sesi Penghulu dan Ketua Kampung. Dan keberkesanannya itu akan terletak pada kejayaan dalam hubungan dan pendekatan-pendekatan yang tertentu kerana lebih maklum suasana telah bertukar. Suasana kampung dan mukim, daerah, perbandaran sudah bertukar daripada dahulu, sekarang dengan adanya kedatangan-kedatangan orang

orang asing dan sebagainya. Insya-Allah perkara ini diambil baik dan adalah penting juga pihak akar umbi terus bekerjasama jua dalam sama-sama menanganinya.

Dan segala soalan-soalan mengenai dengan transformasi anu perkhidmatan awam memang ada beberapa perkara sudah dilaksanakan dan masih jua beberapa perkara lagi untuk terus dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Tapi terlalu awal untuk memperkatakan jua ia terus-terus boleh mengubah semua apa yang telah pun diadakan ani.

Kitani perlu untuk terus memata-matai jua dan menentukan perkara yang telah dihasratkan atau akan dapat dibaiki dengan sebaiknya. *And then*, ada hubung kait jua tadi ada soalan dengan prosesan pertukaran di peringkat tertentu antara kementerian-kementerian di mana *Division II* dan sebagainya, ini pun masih kira peringkat awal tahun pertama untuk pelaksanaan, memang ada terjadi jua perkara-perkara yang perlu peningkatan sepenuhnya dan insya Allah hanya akan dapat dijelaskan dalam Jawapan Bertulis nanti Yang Berhormat Pengerusi. *So* atulah setakat ani antara lain namun demikian itu kaola mencuba jua untuk menjawabnya secara lebih jelas kerana ia memerlukan data-data yang lengkap jua khususnya mengenai dengan audit, soalan-soalan berkaitan audit. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan pengakuan

daripada dua orang menteri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti soalan-soalan yang telah pun dikemukakan dan akan dijawab secara bertulis, maka saya kira Tajuk ini sekarang kita tutup dan kita sekarang perlu untuk mengundi Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk SA01A hingga SA07A, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya semua ahli bersetuju maka tajuk ini diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis:** Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jabatan Perdana Menteri Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Jawatankuasa akan membincangkan Tajuk ini.

Untuk makluman, Pasukan Polis Diraja Brunei adalah di antara dalam jabatan yang tertutup dan tidak perlu untuk dibincangkan dalam dewan ini.

Maka tajuk-tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan dan saya mempersilakan Yang Berhormat secara berkumpulannya, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat

Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Awang Haji Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim. Silakan Pengiran.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kaola merujuk kepada SA10A – iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam.

Isu yang ingin kaola bangkitkan ialah mengenai isu kedatangan pegawai dan kakitangan kerajaan. Seperti yang kitani maklumi pada masa ini, sistem yang digunakan ialah Sistem Sumber Manusia, SSM yang mengandungi banyak fungsi termasuk pegawai dan kakitangan itu mencatat sendiri dalam sistem kedatangan mereka apabila hadir dan keluar masuk pejabat. Sistem ini ada kelemahannya, di mana ada kakitangan yang memesankan rakan kerja untuk mencatat dengan diberi *Username* dan *Password*. Walhal, mereka belum lagi sampai ke pejabat. Isu ini adalah tidak sihat dan menjaskan kualiti dan keberkesanannya perkhidmatan pihak Kerajaan.

Kaola mencadangkan reformasi bagi catitan kedatangan ini, menggunakan

sistem *Face Recognition* dengan menggunakan teknologi *AI* dengan dukungan pemasangan *CCTV* di kawasan jabatan berkenaan. Kaola percaya, jika sistem ini diprogram dengan wajarnya, ia tidak akan membebankan warga perkhidmatan awam, malah menguntungkan pihak Kerajaan dari aspek mempertingkatkan lagi mutu keberkesanan perkhidmatan awam dan mengelakkan dari sesetengah warga perkhidmatan awam yang suka memanipulasi sistem yang ada sekarang.

Yang kedua, ialah mengenai perkhidmatan awam juga, khusus mengenai dasar tempoh perkhidmatan bagi penjawat awam. Kalau kita meneliti semasa waktu dahulu, untuk mengisi pekerjaan dalam sektor Kerajaan, jabatan berkenaan akan mencari orang untuk mengisi jawatan yang ada.

Akan tetapi, sejak beberapa tahun dan pada masa ini, orang berlumba-lumba mencari pekerjaan dan masih ramai yang mengharapkan bekerja, sama ada di sektor awam atau swasta. Bagi sektor awam, kalau waktu dulu, seorang penjawat awam itu akan diberi surat dan melapor dan tidak ada kontrak.

Oleh kerana beralihnya tren ini, soalan kaola, apakah Kerajaan ada perancangan untuk menjalankan sebarang kajian dan meneliti dasar-dasar tempoh perkhidmatan bagi penjawat awam dalam perkhidmatan awam yang sedia ada ketika ini? Sepertimana yang kita ketahui di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bab 83 menetapkan aspek utama kontrak penjawat awam

termasuk kriteria umur persaraan, pencer 55 tahun dan TAP 60 tahun, iaitu dalam tempoh yang panjang *permanent basis* adalah perancangan pihak kerajaan untuk mengkaji modaliti tawaran tempoh perkhidmatan yang berkontrak yang diperkenalkan tempoh perkhidmatan. Sebagai contoh bagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bab 149 menawarkan tempoh perkhidmatan 15, 18 dan 25 tahun.

Dengan adanya perubahan dasar ini, ia akan dapat memberi manfaat kepada penjawat awam itu sendiri, kepada kerajaan dan sektor swasta. Bagi penjawat awam yang ingin menamatkan perkhidmatan dan menceburji bidang perniagaan, boleh mengambilnya pada peringkat 15 tahun atau 18 tahun atau 25 tahun tempoh perkhidmatan. Dasar yang sedia ada, 55 tahun atau 60 tahun tempoh perkhidmatan adalah terhad bagi mereka untuk membuat keputusan, ditakuti akan menjelaskan penerimaan jumlah baksis dan atau pencer mereka. Dengan pengalaman mereka itu, memudahkan penjawat awam itu untuk bekerja di sektor swasta.

Bagi pihak Kerajaan pula, ia akan dapat sekurang-kurangnya mengurangkan beban Kerajaan dalam peruntukan gaji serta akan dapat menggunakan dasar baru itu nanti, untuk mengambil tindakan menamatkan mereka juga yang tidak menepati *performance* kriteria, termasuk yang ada isu kedatangan semasa waktu bekerja.

Dan yang terakhir, ialah Tajuk SA11A Kod 005-00 - Program Penambahbaikan Prestasi Sektor Awam.

Selaras dengan fungsi jabatan untuk memastikan pembaharuan dan penambahbaikan yang dilaksanakan di dalam perkhidmatan awam, akan dapat memberikan impak tinggi ke arah mempertingkatkan prestasi organisasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan sektor awam yang menepati ekspektasi pihak-pihak berkepentingan seperti orang awam dan komuniti bisnes, disamping program-program galakan yang sedia ada.

Adakah pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan mempunyai perancangan untuk merangka mekanisme untuk mentransformasikan produktiviti perkhidmatan awam khususnya yang menjurus kepada usaha mempertingkatkan ekonomi negara? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin membahaskan Peruntukan di bawah Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam Kod 003-000 Perancangan Sumber Manusia.

Khususnya dalam langkah-langkah yang bersifat transformasi boleh dilaksanakan bagi membentuk kerja yang lebih tangkas, inovatif dan mempunyai keupayaan luar jangka. Salah satu aspek yang jarang dibincangkan tetapi amat relevan dalam perancangan tenaga

manusia ialah bagaimana kita menangani situasi di mana penjawat awam memiliki kepakaran tinggi tetapi tidak dapat, tidak lagi dapat menyumbang sepenuhnya dalam peranan mereka kerana struktur kerja yang kaku. Dalam sistem semasa, pegawai yang telah berkhidmat lama tetapi berada di fasa *plateau* dalam kerja yang mereka seringkali tidak dimanfaatkan sepenuhnya atau berdepan dengan keterbatasan laluan kerjaya yang jelas.

Dalam hal ini, mungkin sektor awam boleh mempertimbangkan inisiatif Skim Re-Energisasi Kerjaya Sektor Awam yang membolehkan penjawat awam yang telah mencapai tempoh perkhidmatan tertentu diberikan pilihan untuk beralih ke peranan khas yang lebih strategik atau menyertai tugas jangka pendek yang berimpak tinggi. Skim ini bukan sekadar menawarkan laluan kenaikan pangkat biasa, tetapi membuka ruang kepada pegawai untuk menggunakan pengalaman mereka dalam bentuk yang lebih berkesan dan bermakna kepada Kerajaan.

Sebagai contoh bagi pegawai yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun dalam satu sektor, mereka boleh memasuki fasa perkhidmatan baharu yang lebih fleksibel, di mana mereka tidak lagi terikat dengan tugas pentadbiran harian, tetapi ditempatkan dalam pasukan pemikir, *strategic think tank* dalam kementerian masing-masing. Peranan mereka akan lebih tertumpu kepada merangka penyelesaian dasar, memberikan input kepada perubahan sistem dan membimbing generasi

baharu, pegawai dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, tenaga kerja berpengalaman juga boleh diberikan peranan sebagai penasihat dasar Kerajaan dalam bidang khusus yang memerlukan pengalaman luas tanpa perlu meninggalkan sektor awam. Ini memberi peluang kepada mereka untuk terus menyumbang kepada negara dalam kapasiti yang lebih tinggi tanpa terikat dengan rutin kerja harian yang mungkin tidak lagi mencabar atau relevan dengan kepakaran mereka.

Disamping itu, sektor awam juga boleh memperkenalkan Program Sumbangan Nasional Pegawai Awam, di mana pegawai yang telah mencapai tahap *senior* dalam perkhidmatan mereka, diberikan peluang untuk menyertai inisiatif besar negara sebagai sebahagian daripada sumbangan mereka sebelum bersara.

Pegawai ini boleh menyumbang kepada projek projek khas kerajaan sama ada dalam sektor ekonomi, keselamatan, pendidikan atau pembangunan sosial bergantung kepada kepakaran mereka. Pendekatan ini mewujudkan tenaga kerja yang lebih dinamik dan mengelakkan keadaan di mana penjawat awam berpengalaman menjadi pasif atau sekadar menunggu tempoh persaraan tanpa memberikan sumbangan strategik. Dengan adanya Skim Re-energisasi Kerjaya dan program sumbangan nasional pegawai awam, sektor awam akan dapat mengekalkan nilai tenaga kerja berpengalaman, mengoptimumkan kepakaran sedia ada dan memastikan

pegawai tidak terhad kepada satu laluan kerjaya yang *rigid*.

Pendekatan ini bukan saja meningkatkan motivasi penjawat awam dalam jangka panjang tetapi juga memberi impak besar kepada keberkesanan sektor awam dalam membentuk dasar dan inisiatif negara secara lebih menyeluruh.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:**  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi.

Di dalam memelihara keharmonian bernegara, Jabatan Penerangan, media rasmi kerajaan berperanan bagi memupuk dan memantapkan kesedaran beragama dan bernegara bagi mengukuhkan perpaduan bangsa serta meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan negara. Dalam inisiatif ini adalah antara objektif utama jabatan melalui program kenegaraan, kemasyarakatan dan perhubungan awam.

Jika dilihat daripada petunjuk prestasi utama jabatan, anggaran jumlah bahan-bahan terbitan dan kalender jabatan bagi tahun 2023/2024 adalah 29 terbitan tetapi jumlah sebenar yang dicapai adalah 18 terbitan. Namun pada itu, pencapaian besar berlaku kepada jumlah purata akses Pelita Brunei *online* dalam tempoh sebulan melonjak kepada jumlah sebenar 87,924 dari yang dianggarkan 46,000 bagi tahun 2023/2024. Ini adalah petanda baik peranan penggunaan ke

arah *digital media*. Untuk langkah ke hadapan, anggaran akses penggunaan akan terus bertambah kepada 100,000 dalam tempoh sebulan. Apakah usaha strategik pihak jabatan untuk mencapai sasaran ini? Ini mengenai dengan anu ah, tajuk SA09A dan SA14A.

Selain daripada itu, Pelita Brunei juga masih dicetak dengan jumlah yang terhad kepada orang ramai. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berapakah kuantiti yang dicetak dalam tempoh sebulan dan berapakah kos yang ditanggung setahun untuk menerbitkan Pelita Brunei secara fizikal dan apakah perancangan serta hala tuju jabatan ke arah beralih sepenuhnya ke sistem *digital*.

Kaola menyambut baik pelaksanaan transformasi sistem pengambilan kakitangan mengenai inisiatif *smart scanning* dan proses *validation*. Permohonan keputasan untuk mempermudahkan, mempercepatkan proses pengambilan di kementerian-kementerian. Dalam pada masa yang sama, penggunaan *artificial intelligence*, *AI* juga mendorong kepada peningkatan kecekapan inovasi memberi keputusan bagi membantu sektor perkhidmatan awam pada masa kini.

Namun pada itu, terdapat beberapa isu yang kaola ingin suarakan berkenaan dengan proses ujian bertulis yang sedia ada bagi setiap permohonan pekerjaan di jabatan kerajaan. Isu ini sering ditimbulkan adalah berkenaan dengan lokasinya yang diadakan yang terlalu jauh bagi setiap pemohon yang tinggal

di kawasan daerah lain. Terdapat juga masalah yang timbul kepada pemohon yang bekerja di syarikat swasta yang kadangkala tidak mendapat kebenaran keluar dari majikan untuk menghadiri ujian bertulis berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kaola mengharapkan agar perkara ini dapat diberi perhatian sewajarnya ke arah penambahbaikan proses permohonan perjawatan yang sedia ada dengan meneliti dan mengambil kira perkara-perkara yang kaola nyatakan tadi.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Dalam pada itu, kaola mengharapkan agar komitmen, usaha dan inisiatif ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035 dapat dipertingkatkan terutama sekali meneroka peluang-peluang baru yang lebih relevan dan efisyen bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti jabatan-jabatan di dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran terutama sekali di dalam memastikan semua perbelanjaan dapat diurus tadbir

dengan lebih teratur dan tulus ke arah mencapai matlamat yang diharapkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam memelihara keharmonian bernegara kaola menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada agensi-agensi media rasmi kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan sebagai saluran utama bagi menyalurkan maklumat kerajaan secara tepat dan berkesan melalui pelbagai platform *media*. Selain daripada kerjasama dan hubungan baik dengan kepimpinan akar umbi melalui program-program khusus yang ke arah menyantuni rakyat bermaklumat memberikan kesan yang positif serta wajar diperluaskan dari masa ke semasa.

Di samping itu, kaola ingin menyentuh berkenaan usaha dan inisiatif bagi mencari bakat-bakat baru yang berkaliber di dalam industri seni kreatif tanah air yang juga antara lain bertujuan untuk mempromosikan seni, budaya dan warisan Brunei Darussalam agar terus dimartabatkan. Tanggungjawab ini bukan hanya diserahkan kepada pihak kerajaan malahan ianya adalah tanggungjawab bersama. Pihak-pihak yang berkepentingan khususnya yang terlibat secara langsung di dalam industri ini sewajarnya berganding bahu menjayakan inisiatif ini melalui pendekatan senegara.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita merujuk kepada objektif Jabatan Radio Televisyen Brunei, RTB dalam peruntukan bagi Tahun Kewangan

2025/2026 berjumlah \$40.1 juta. Berdasarkan indeks pertunjukkan prestasi utama RTB menyasarkan 8 platform (pertandingan) untuk mempamerkan dan membangun bakat-bakat tempatan yang mana prestasi tahun 2023/2024 tidak menepati sasaran.

Walau bagaimanapun, kaola menyambut baik komitmen berterusan pihak RTB sejak dulu lagi di dalam menganjurkan pertandingan-pertandingan lagu-lagu seperti pertandingan Bintang RTB, Juara Lagu, Bintang Kecil, RTB Karaoke Challenge dan lain-lain.

Oleh kerana itu, kaola mengharapkan agar komitmen ini diteruskan demi pembangunan seni tempatan. Kaola juga menyedari untuk menganjurkan satu-satu pertandingan memerlukan kos yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah ke hadapan perlu dirancang dengan teliti tentang hala tuju industri seni tanah air terutama sekali di dalam penyediaan peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan agenda kemajuan. Perkara ini adalah sejajar dengan matlamat belanjawan negara ke arah pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan khususnya di dalam kemajuan industri kreatif tempatan.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah.  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Johan Pahlawan Dato Seri Setia  
Awang Haji Adanan bin Begawan  
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia  
Haji Md. Yusof:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Pertanyaan kaola yang berhubung kait dengan Jabatan Radio Televisyen Brunei Kod 002/001- Berita Hal Ehwal Semasa dan Sukan.

Persoalan kaola kenapakah Tajuk ini berkurangan peruntukan daripada \$9,430,057.00 kepada \$8,391,053.00. Sedangkan kaola berpendapat TV adalah salah satu media massa sangat penting sebagai lidah rasmi kerajaan untuk memberikan maklumat dasar, perkembangan aktiviti-aktiviti semasa-semasa negara dengan berkesan serta tepat kepada masyarakat kepada semua sekali lapisan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Keduanya, kaola ingin menyentuh yang bertajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam, Kod 002000 – Pembangunan Sumber Manusia. Persoalan kaola di sini adakah insentif-insentif yang diberikan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang berprestasi sangat cemerlang lagi *outstanding, competent, credible* secara berturut-turut sekurang-kurangnya 3 tahun.

Dengan adanya insentif-insentif yang akan dikenal pasti atau yang tertentu adalah ianya sebagai penggalak dan dorongan kepada mereka yang

mempunyai *talent* untuk diserahkan dan digilap potensi mereka dalam usaha menyediakan dan memartabatkan *succession planning* di sektor awam khususnya di kalangan bakal-bakal pemimpin-pemimpin yang berwibawa di masa akan datang.

Ketiga adalah, di bawah Tajuk Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, SA11 Kod 005 penambah baik prestasi sektor awam. Kaola mendapati KPI bagi jumlah agensi yang mensasarkan 3 bintang dan ke atas, hanya 2 agensi yang berjaya mencapai sasaran tersebut pada 2023/2024 dan seterusnya sasaran 2 tahun berikutnya adalah 3 agensi.

Kaola memohon pencerahan, bagaimanakah tatacara kita untuk menambah baik dan membanyakkan lagi agensi-agensi kerajaan mencapai tahap 3 bintang ke atas dalam usaha untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan awam ke arah kita bersama-sama merealisasikan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan Wawasan Brunei 2035? Insya-Allah.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Laila Setia Dato Seri Setia Awang  
Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama kaola perhatikan secara keseluruhannya, belanjawan RTB pada tahun ini

bertambah sebanyak \$650 ribu. Pertambahan tersebut sebahagian besarnya adalah bagi *emolument* bukan dari segi penambahan jawatan, malahan jumlah jawatan adalah berkurangan sebanyak 9 orang.

Sebagaimana yang kita sedia maklum teknologi masa kini mengalami perubahan yang begitu cepat and pesat yang bukan saja akan menjadikan *equipment* yang ada akan lekas *obsolete* akan tapi juga menghendaki latihan-latihan kakitangan untuk dilaksanakan secara berterusan, bersepadan dengan perkembangan teknologi dan perkembangan semasa.

Kaola perhatikan sasaran peratus kakitangan pegawai dan kakitangan dalam *established post* yang telah mengikuti latihan. Alhamdullilah, meningkat 10% pada tahun kewangan ini pada 75%. Walau bagaimanapun, kaola memohon pencerahan mengenai langkah ke hadapan RTB bagi menangani perubahan-perubahan dibawa oleh arus perkembangan teknologi ini terutamanya dari segi peningkatan perkakas, *any equipment* yang diperlukan.

Dan yang utamanya ialah dari segi *capacity buildingnya* supaya RTB akan tetap berfungsi menjadi media kerajaan yang cekap dan berkesan untuk menyampaikan maklumat dengan tepat, cepat dan sahih.

Kedua, kaola ingin menyentuh satu Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Penerangan yang berkaitan dengan sasaran jumlah peserta mengikuti kursus dan program kesedaran jabatan,

*outreach programme*. Di mana setiap tahun kapasiti sasarannya adalah 6,000 orang. Alhamdullilah, namun kaola ingin memohon pencerahan mengenai program ini dan mengapa sasaran tidak dapat ditingkatakan pada lebih dari 6,000 orang serta adakah keberkesanan program ini dari segi *content* dan *outputnya* juga dinilai oleh *third party independent assessors?*

Ketiga, kaola tertarik untuk memohon pencerahan mengenai 2 Petunjuk Prestasi Utama Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang baru diperkenalkan pada belanjawan 2025/2026 ini. Pertama ialah mengenai peratus lantikan yang diproses yang disasarkan dalam lingkungan 55%, manakala kedua mengenai peratus pengisian jawatan kosong Bahagian I mendapat TPOR yang disasarkan di antara 60% ke 90% dari segi prosesnya.

Kedua-dua peratus bagi sasaran ini dianggarkan mendatar 2 tahun yang akan datang. Kaola menjangkakan dengan adanya proses lantikan Pegawai Bahagian II ke bawah yang *delegate* kepada kementerian, peratus lantikan yang diprosesnya dengan sendirinya akan meningkat, namun nampaknya anggapan kaola ini tidak tepat. Masih terdapat *lagging* dalam proses-proses yang berkaitan. Ke arah itu mohon pencerahan mengenai langkah ke hadapan SPA dalam memperbaiki dan memperkesangkan lagi pencapaian sasaran-sasaran ini.

Terakhir, kaola perhatikan bahawa jumlah peruntukan yang disediakan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Tahun Kewangan 2025/2026 bagi perbelanjaan biasa telah menurun sebanyak \$411 ribu. Begitu juga KPI yang berkaitan dengan jumlah pengemaskinian dasar atau dasar baru yang dikeluarkan untuk pemberian dalam perkhidmatan awam yang disasarkan pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini hanyalah 3 buah berbanding sebanyak 8 buah pada tahun lepas.

Sasaran in juga nampaknya mendatar selama 2 tahun yang akan datang. Kaola menjangkakan dengan perubahan-perubahan yang pesat dan cabaran-cabaran ketiga ini yang dibawa oleh cetusan teknologi seperti misalnya pengenalan *Fintech*, AI dan *cyber security*. Ianya juga akan memerlukan beberapa pengemaskinian dalam dasar dan peraturan *to keep up* dengan perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran tersebut. Begitu juga halnya dengan skim perkhidmatan beberapa jawatan dalam kerajaan perlu juga dikemaskinikan mengikut perkembangan semasa.

Ke arah itu kaola mohon penjelasan apakah dasar-dasar dan *peraturan yang ada* ketika ini sudah memadai atau pun mencukupi untuk kita menangani permodenan perkhidmatan awam secara menyeluruh pada ketika ini dan akan datang mengambil kira perubahan dan cabaran yang kaola nyatakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita meneruskan kumpulan yang kedua, bagi membincangkan Tajuk yang berkenaan ini, saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini selama 15 minit untuk kita berehat.

**(Majlis Mesyuarat berehat)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula. Kita akan memberikan laluan kepada 6 orang Ahli-Ahli Berhormat Yang Dilantik untuk menyuarakan sama ada pertanyaan atau pun perbahasan mengenai Tajuk SA08A, SA014A. Sebelum saya meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan respons.

Sekarang saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dan seterusnya diikuti oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin membawa Tajuk SA09A di bawah Tajuk Jabatan Penerangan.

Kaola ingin merujuk peruntukan 001/003 Pembangunan Kapasiti yang dicadangkan sebanyak \$25,620.00 sahaja, iaitu meningkat sedikit dari tahun 2024, iaitu sebanyak \$20 ribu pada tahun 2024. Kaola ingin mengetahui bagaimanakah peruntukan ini digunakan tahun lepas dan adakah mencukupi untuk meningkatkan kapasiti pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan? Kaola berpendapat peruntukan ini adalah terlalu kecil dan *it will be interesting to know* bagaimana ia digunakan tahun lepas sama ada efektif kah inda.

Soalan kaola yang kedua ialah tajuk di bawah SA10A iaitu peruntukan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, di bawah tajuk SA10A iaitu sebanyak B\$23,747,660. Salah satu indikator KPI Jabatan Perkhidmatan Awam ialah peratus pegawai atau kakitangan yang mencapai tahap *standard* tinggi melalui *Continuous Training Development* dan sasaran bagi 3 tahun berturut-turut bermula daripada 2025 ialah 88% pegawai dan kakitangan mencapai tahap *standard* tinggi.

Kaola memohon pencerahan, apa ciri-cirinya pegawai dan kakitangan yang telah mencapai tahap *standard* tinggi, adakah dari segi cekap berfikir, cepat bertindak, bijak membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, berpengetahuan iaitu *knowledgeable*, berintegriti, kreatif dan inovatif? Kaola rasa kita perlu lebih jelas tentang produk

dan kualiti perkhidmatan awam hasil dari peruntukan yang diberikan ke atas *what we call* apa yang disebut sini *Continuous Training Development* untuk memastikan *value for money* setiap peruntukan yang diberikan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk dua tajuk iaitu SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dan SA di bawah Kod 002/000 - Pembangunan Sumber Manusia dengan peruntukan keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak B\$5,055,430.00 dan Tajuk SA11A-Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Kod 005/000 - Penambahbaikan Prestasi Sektor Awam dan 005/001 - Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui penarafan 3 bintang.

Mohon pencerahan mengenai hasil ataupun impak program-program pembangunan eksekutif yang sedia ada bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan ke atas penambahbaikan prestasi sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Berapa peratuskah setakat ini, pegawai yang telah ditetapkan dalam jawatan kepimpinan setelah menamatkan program dan dimasukkan ke dalam Pelan

Penggantian Keseluruhan ataupun *Overall Succession Planning* dalam perkhidmatan awam bagi menggantikan pegawai-pegawai yang akan bersara di jabatan-jabatan diseluruh kementerian?

Kaola juga merujuk KPI bagi SA10A seputrimana rakan Yang Berhormat tadi iaitu peratus pegawai ataupun kakitangan kerajaan yang mencapai *standard* tinggi melalui *Continuous Training and Development*. Pencapaian sebenar KPI ini bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah 96% iaitu lebih tinggi berbanding sasaran asal 88%, Alhamdulillah.

Namun, pada tahun yang sama, hanya 17% agensi kerajaan mencapai tahap baik dalam Program Penggredan 3PSA. Pencapaian ini menunjukan ketidak sejajaran antara hasil latihan pembangunan pegawai dengan prestasi agensi-agensi di sektor awam. Kaola mohon pencerahan mengenai isu ini.

Akhir sekali, seputrimana juga rakan Ahli Yang Berhormat sebelum ini tadi, kaola juga merujuk kepada sasaran yang sangat rendah yang ditetapkan bagi KPI Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan iaitu jumlah agensi yang memperoleh 3 bintang dan keatas.

Di sini kaola ingin menambah dan menekankan sekali lagi bahawa perkhidmatan awam adalah nadi dan penggerak kerajaan. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan, kaola berpendapat, adalah menjadi keutamaan bagi pihak

JPM untuk memastikan semua agensi kerajaan meningkatkan usaha untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam tempoh atau garis masa yang ditetapkan bagi mencapai Permodenan Perkhidmatan Awam yang dihasratkan dan seterusnya merealisasikan matlamat 2 Wawasan Brunei 2035 iaitu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Awang Lau How Teck:**

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan soal SA11A - Jabatan Perkhidmatan Awam. Kecekapan dan *professionalism* dalam perkhidmatan awam merupakan cerminan kepada tahap kemajuan dan keberkesanan tadbir urus sesebuah negara.

Sektor perkhidmatan awam perlu sentiasa dinamik dan beradaptasi dengan berkeperluan semasa supaya setiap dasar dan inisiatif yang diperkenalkan dapat dilaksanakan secara efektif serta memberikan impak yang jelas kepada kesejahteraan rakyat.

Belanjawan 2025/2026, peruntukan sebanyak \$23.7 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dengan sebahagian besar daripada peruntukan bagi pengurusan sumber manusia dan kewangan. Pelaburan ini menuntut jaminan bahawa perkhidmatan awam dapat beroperasi secara lebih responsif, cekap serta berorientasikan hasil dalam memenuhi keperluan rakyat dan selari dengan Wawasan Negara.

Sebanyak \$6.5 juta pula diperuntukkan kepada pembangunan sumber manusia, yang menjadi asas kepada mengukuhkan kebudayaan kerja dalam sektor awam. Latihan dan pembangunan penjawat awam tidak hanya menekankan kepada kemahiran teknikal semata-mata. Setiap juga perlu membentuk pemikiran yang lebih inovatif, strategik dan proaktif dalam kalangan pegawai kerajaan.

Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa program latihan bukan sahaja relevan dengan keperluan semasa tetapi juga dapat membangunkan keupayaan pegawai dalam menangani cabaran pentadbiran secara lebih holistik.

Kaola melihat keperluan untuk meningkatkan *flexibility* dalam latihan perkhidmatan awam dengan menekankan pendekatan berasas kemahiran melalui Program Mentor-Mentee dan pertukaran peranan secara berkala. Langkah ini meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai ekosistem pentadbiran dan kemahiran tenaga kerja lebih *versatile*.

Di samping ini, kaedah ganjaran berdasarkan prestasi untuk memperluaskan bukan hanya dalam bentuk kewangan tetapi juga dalam bentuk kenaikan pangkat serta bertanggungjawab yang lebih besar. Pendekatan ini menggalakkan supaya kerja yang lebih dinamik dan berdaya saing dalam kalangan penjawat awam.

Dalam aspek penyampaian perkhidmatan, peningkatan kecekapan pegawai barisan terhadap amat diperlukan khusus dalam kemahiran komunikasi dan interaksi dengan masyarakat. Latihan kaunseling dan komunikasi berkesan wajar diperkenalkan agar penjawat awam lebih bersedia dalam memberikan perkhidmatan yang bukan sahaja efektif tetapi juga mesra rakyat.

Mekanisma penyampaian maklumat perlu diperluaskan dengan memperkenalkan kaedah komunikasi digital yang lebih mesra pengguna. Platform pemerksaan masyarakat juga wajar dibangunkan agar rakyat dan penyuaran pandangan mereka serta memahami hala tuju dasar Kerajaan dengan lebih jelas. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan ketelusan dalam penyampaian Perkhidmatan Awam tetapi juga mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap dasar dan inisiatif kerajaan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk SA08A – Radio Televisyen Brunei. Perkembangan perisian \$6 juta, Berita Hal Ehwal Semasa dan Sukan, \$2,702,100. 00200 – Program TV, \$2,457,900. C002/003 – Program Radio, \$840,000.

Merujuk pada tajuk SA08A, bagaimanakah RTB memainkan peranan

dalam memberi gakan dasar kerajaan dan pencapaian ke arah Wawasan 2035 melalui program-program yang disiarkan? Adakah bajet diperuntukkan termasuk untuk menyokong syarikat-syarikat *production* tempatan untuk mengembangkan industri kreatif di negara ini sebagai sumber pekerjaan alternatif bagi meningkatkan ekonomi negara.

Kemudian mengenai Suruhajaya Perkhidmatan Awam – SA014A, pengiklanan dan pemilihan. Proses pengisian jawatan kosong menepati TPOR 10 peratus bagi 2023/2024. Merujuk kepada petunjuk prestasi utama SA014A, kaola ingin memohon penjelasan tentang mengapa KPI ini rendah dan apakah usaha-usaha untuk meningkatkan proses pengisian jawatan kosong?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada satu soalan sahaja SA014A – Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yakni petunjuk prestasi *percentage* tajuk SA01A lantikan baru seramai 1,000 setahun.

Mohon pencerahan, berapa banyakakah penjawat awam yang bersara setiap tahun? Ada anggaran mengatakan ada

lebih 1,500 ke 2,000 jawatan kosong disebabkan persaraan, pindah ke setiap tahun dan ada sebahagian penjawat awam diambil bekerja semula secara berkontrak selepas bersara dalam jawatan yang sama. Berapa ramaikah jumlah pesara yang diambil bekerja semula? Mengapakah KPI hanya mensasarkan 1,000 jawatan setiap tahun? Sedangkan tedapat 1,500 ke 2,000 jawatan kosong dan kira-kira 11,000 graduan yang mencari pekerjaan.

Apa tindakan atau perubahan yang perlu untuk mensasarkan 100% bakal kekosongan yang dikenali pasti akan dapat diisi dengan calon yang sesuai sebelum pegawai bersara? Dengan perancangan penggantian, *succession planning* yang efektif, kekosongan dalam jawatan awam boleh diisi dengan segera dan membantu membagi efisiensi kerajaan.

Dan apakah pendekatan kementerian yang perlu dilakukan untuk memastikan bahawa kekosongan jawatan diisi dalam tempoh pendek, *say* dalam 2 bulan dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencepatkan proses pengambilan?

Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
SA09A JPM, Jabatan Penerangan.  
Penerbitan 002-000, penerbitan-

penerbitan rasmi. Kod 002/001 Pemeliharaan dan menaik taraf sistem penerbitan peruntukan \$159,648. Maaf Pehin, 003 Kenegaraan Kemasyarakatan Perhubungan Awam.

Program-program kesedaran aktiviti pembelajaran dan pengetahuan peruntukan sebanyak \$253,253. Merujuk kepada tajuk SA09A, kod 002/001 dan 003/001 didapati adanya peningkatan bajet yang ketara berbanding tahun sebelumnya.

Kaola memohon penjelasan berkenaan sebab utama peningkatan bajet ini serta perincian projek atau inisiatif yang akan dilaksanakan. Selain itu, kaola juga ingin mengetahui bagaimana kenaikan peruntukan ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti dan keberkesanan sistem penerbitan serta program-program kesedaran aktiviti pembelajaran dan pengetahaun di negara kita.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Kita telahpun meneliti tajuk SA08A-SA014A dengan memberikan kesempatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk membuat reaksinya terhadap perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Sukacita kaola terlebih dahulu mengucapkan junjung kasih dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan sebentar tadi dan kaola mengambil baik cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sukacita juga kaola ingin menjawab soalan berkaitan dengan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada kaola dan pada masa yang sama mempelawa rakan sejawat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II jika berpatutnya untuk Yang Berhormat menambah sama.

Mengenai dengan SA08A – RTB. Usaha dan inisiatif Jabatan Radio Televisyen Brunei bagi mencari bakat-bakat baru yang berkaliber dalam industri seni kreatif tanah air. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, industri seni atau kini dikenali dengan industri kreatif semakin berkembang dan ianya perlu beredar mengikut zaman.

Dari dahulu lagi, sememangnya bidang penyiaran seperti radio dan televisyen menjadi wadah utama bagi para artis berkecimpung untuk memberikan konten atau kandungan yang terbaik, bakat-bakat mereka digasah dengan melalui uji bakat di pertandingan kugiran, drama, seni dan sebagainya. Kini wadah saluran

tersebut telah dipelbagaikan kepada platform internet atas talian seperti media sosial dan juga beberapa platform muzik yang dapat memberikan pulangan kewangan langsung kepada artis.

Industri kreatif juga terbuka kepada seni persembahan, seni visual, reka bentuk, media mengiklanan dan permainan komputer. Bidang ini adalah di antara bidang yang perlu diteroka dan digilap melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* kerana industri kreatif memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan inovasi, menyediakan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pembangunan budaya. Dalam masa yang sama agensi-agensi kerajaan serta pihak syarikat swasta turut mengadakan aktiviti atau inisiatif tersendiri dalam menyokong dan memperkembangkan industri kreatif.

Jabatan Radio Televisyen Brunei, RTB sebagai penyiar utama penyiaran sentiasa komited dalam usaha mempelbagaikan inisiatif mendukung perkembangan industri kreatif antaranya melalui pengajuran pertandingan bakat seni tempatan, anugerah penghargaan selaras dengan peruntukan kewangan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 dan sasaran 8 platform atau pun pertandingan seperti yang digariskan 4 Petunjuk Prestasi Utama, KPI.

Meskipun terdapat cabaran dalam mencapai sasaran bagi tahun 2023 dan 2024. Bagi Tahun Kewangan 2024/2025, RTB telah berjaya melaksanakan 9 platform atau pun pertandingan

melebihi sasaran 8 KPI yang telah pun ditetapkan, membuktikan keberkesanan perancangan strategik dengan pelaksanaan program yang telah dirangka. Jabatan RTB telah mengambil langkah proaktif dengan memperkuuh dan membuat pembaharuan dan penambahbaikan kepada *flagship program* yang sedia ada seperti Festival Media Kreatif, *Brunei Music Video*, *Brunei MV*, Bintang Harmoni, Anugerah Pelangi, best 91.4 dan Bintang Kecil bagi memperluaskan peluang kepada bakat seni kreatif tempatan.

Jabatan RTB juga menyediakan pelbagai platform untuk mengetengahkan bakat tempatan menerusi rancangan-rancangan terbitan TV dan radio. Antara penglibatan bakat seni tempatan diketengahkan menerusi beberapa program pendedahan seperti dokumentari, program realiti, sesi persembahan langsung dan juga temu bual khas yang memberi peluang kepada artis dan karyawan tempatan untuk menampilkan karya mereka pada khalayak yang lebih luas.

Pendekatan strategik ini membolehkan bakat-bakat tempatan mendapat pendedahan yang lebih luas dan berterusan dalam industri penyiaran sekali gus mampu memajukan dan mengembangkan industri kreatif tempatan.

Kuala melalui Jabatan RTB bersetuju dan menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan bahawa pengajuran satu pertandingan memerlukan kos yang

tinggi. Setiap perancangan penganjuran industri kreatif tempatan diteliti secara menyeluruh dan sistematik setiap tahun bersama pihak-pihak berkepentingan.

Pendekatan ini selaras dengan matlamat belanjawan negara dan membangun modal insan yang dinamik dan berwawasan dan kita maklum jua industri kreatif ini kalau dari segi *whole of government* nya bukan hanya melibatkan Jabatan Perdana Menteri malah jua kementerian yang lain seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut juga turut sama melopori dan memperkasakan mana ruang-ruang tertentu khususnya dalam membina keupayaan belia-belia dalam berkecimpung dalam seni kreatif.

Dan soalan yang ingin kaola jawab pada awal peringkat ini ialah yang berhubung kait dengan JPA jua, iaitu cadangan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin sebentar tadi, iaitu berhubung dengan cadangan penggunaan *facial recognition* dalam SSM bagi mengatasi isu kedatangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dalam konteks penggunaannya ke dalam sistem Sistem Sumber Manusia, SSM dalam perkhidmatan awam pada masa ini, log kehadiran dalam waktu pejabat telah dijana melalui QR kod yang mana adalah unik kepada semua bangunan dan pejabat kerajaan kerana menggunakan kaedah kordinat *GPS* yang mana pada masa ini adalah dianggap memadai.

Walau bagaimanapun, penggunaan *facial recognition* dalam SSM adalah disambut

baik dan akan diteliti kesesuaianya. Projek aplikasi mudah alih atau *mobile apps* untuk SSM adalah platform yang akan diteroka atau diteliti bagi penggunaan kaedah biometrik termasuk *facial recognition*.

Dan memang Yang Berhormat Pengerusi banyak soalan-soalan jua diajukan mengenai dengan JPA, MSD dan juga SPA dan dalam hubungan tadi dengan erti bidang penerangan juga ada banyak soal-soal KPI.

Namun demikian kaola memerlukan masa juga untuk memberikan jawapan yang tepat mengenai ini dan jika ada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menambah pun dipersilakan pada masa ini. Jika tidak soalan-soalan berkaitan dengan jabatan-jabatan tersebut akan kaola teliti dan kaola jawab secara bertulis.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terlebih dahulu ingin kaola kan meluruskan apa yang kaola tadi sampaikan mengenai dengan *online platform* untuk pemantauan pencapaian wawasan negara dalam mana kaola kongsikan pada masa ini ada satu *online system*, iaitu sistem *KPI Executive Management System*, KEMas. Ini sebenarnya satu sistem dalaman sahaja untuk dipantau oleh Pegawai Wawasan bukan terbuka kepada orang ramai.

Insya Allah mungkin pada masa depan boleh difikirkan sama ada ada satu

mekanisme untuk Pejabat Wawasan kongsikan dari segi pencapaian wawasan kepada orang ramai dari masa ke semasa. Tapi sebelum itu memang Pejabat Wawasan senantiasa mengongsikan juga dengan orang ramai dari segi aktiviti-aktiviti di Pejabat Wawasan, Insya Allah untuk diperbaiki lagi masa depan.

Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai dengan satu persoalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan pegawai dan kakitangan kerajaan yang mencapai tahap standard tinggi melalui *continuous training and development*. Jadi apa tah ciri-cirinya yang digunakan untuk menyukat kira untuk timbangkan prestasi pegawai dan kakitangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin, KPI ini disukat daripada peratus peserta program-program pembangunan *Civil Service Leadership Pipeline* atau pun CSLP yang mana kalau peserta itu mencapai Gred Cemerlang dan Gred B, Sangat Baik itulah yang dikira mengambil kira dalam *measurement* dalam program kepimpinan berkenaan. Jadi ini kalau dilihat pada tahun 2023/2024 adalah lebih tinggi daripada apa yang dianggarkan dan seterusnya insya Allah ini kan terus dimonitor yang kalau dapat lagi seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sama ada dapat lagi disukat sama ada ia *value for money* kah inda.

Seterusnya ada satu juga pertanyaan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan KPI yang kedua, iaitu jumlah pengemaskinian dasar dan dasar baharu yang dikeluarkan untuk pembaikan dalam perkhidmatan awam yang mana sasarannya ganya 3 kira pengemaskinian. Jadi padahal kalau dilihat sebelum ini tahun 2024/2025 telah mencapai 8 dan sebelum itu 6. Jadi memang KPI ini diberikan minimum lah, pengemaskinian. Jadi dari segi apa yang tercapai dalam tahun-tahun yang kan datang itu tertakluk kepada dasar-dasar yang memerlukan untuk dikemaskinikan, inda semestinya kitani mengubah supaya jumlah kemaskinian setinggi-tingginya. Jadi kalau ada keperluan kitani mengusai.

Jadi ini yang sasaran yang 3 kitani turut dicatatkan ini adalah satu kira *at least* Jabatan Perkhidmatan Awam ini sekurang-kurangnya meneliti *at least* 3 dasar itu untuk diteliti untuk *diimprovekan* sekiranya ada lebih memerlukan pengemaskinian insya Allah ada diusahakan seperti yang mana kitani pernah lihat di tahun-tahun yang sebelum ini.

Itu sahaja yang kaola kan menjelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi ...Yang Berhormat, Ya.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Yang Berhormat Pengerusi mohon kaola jua. Sebenarnya

ada boleh satu lagi soal kaola jawab kalau ada izin masa, iaitu mengenai dengan Perkembangan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam dan Jawatankuasa Tranformasi Perkhidmatan Awam. Inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam 2016 - 2020 masih lagi diteruskan dan di tambah baik mengikut keperluan semasa.

Contohnya di bawah tema Produktiviti Organisasi seperti *Public Service Capability Development Framework, PSCDF* bertujuan untuk menilai tahap kompetensi perkhidmatan awam dan membuat perancangan pembangunan bagi meningkatkan mutu kerja perkhidmatan awam supaya berkebolehan tinggi, berprestasi tinggi dan produktif.

Setakat ini, pelaksanaan bengkel rintis, *pilot test* PSCDF telah di mulakan dengan Jabatan Perdana Menteri di adakan mulai November 2023 ke atas 81 Jabatan/Seksyen dan juga Unit. Kedua, Anugerah Inovasi Perdana, AIP turut di adakan setiap tahun untuk memberi penghargaan dan pengiftirafan kepada agensi-agensi kerajaan yang berjaya melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan, inovasi dalam tadbir urus baik, *good governance* dalam Perkhidmatan Awam dalam Negara Brunei Darussalam.

Manakala yang ketiga, perlaksanaan Sistem Sumber Manusia, SSM untuk membolehkan penjanaan maklumat secara dalam talian, memberikan pengkongsian maklumat yang lebih cepat, cekap dan effusion, pengurusan sumber manusia dan perlaksanaan

proses kerja lebih bersistematik daripada pertindihan, *duplication*. Ini pun sebenarnya sudah kaola jelaskan dalam ulasan awal pada hari Sabtu yang lalu.

Manakala, di bawah tema Kecemerlangan Kepimpinan, JPM masih saja meneruskan perlaksanaan Civil Services Leadership Programme, CSLP dalam menyediakan dan memberikan latihan kepada pegawai-pegawai yang di nilai sebagai berpotensi untuk menjawat jawatan yang tinggi khasnya selaku pemimpin akan datang melalui *flagship programmes* iaitu YEP, EDPMMO, EDPSGO.

Program-program ini turut diperkayakan lagi melalui kerjasama bersama rakan-rakan strategik dari luar negeri. Seterusnya beberapa program pembangunan turut di perkenalkan seperti Program Penempatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam di Republik Singapura dan program kepimpinan bersama Arab Emiriah Bersatu, UAE.

Di bawah tema Persekutaran Perniagaan dan Awam, yang mana kaola yakin agensi-agensi kerajaan lainnya secara *whole-of-government approach* juga berperanan dalam menjayakannya. Sebagai dokongan kepada perkara ini, Jabatan Perdana Menteri juga telah pun mengeluarkan Garispanduan Perlaksanaan Pendekatan Awam oleh Agensi-Agenzi Kerajaan melalui Surat Keliling bilangan 6/2018 bagi tujuan untuk memberikan panduan bagi agensi-agensi kerajaan untuk mendapatkan *input* dan maklum balas

dari pihak yang berkenaan, *stakeholders* dalam menggubal dasar-dasar termasuklah bagi memudahkan orang ramai untuk menjalankan perniagaan.

Langkah seterusnya adalah perancangan untuk melaksanaan e-Penyertaan, *e-participation* yang di hasratkan akan jadi sebuah hab digital sehenti, *one stop digital hub* yang di bangunkan untuk memudahkan perundingan dasar dan peraturan, *real-time policy consultation* iaitu penglibatan orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan lainnya.

Sebagai langkah kehadapan, penubuhan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam, JTPA dihasratkan sebagai sebuah platform utama dalam menerajui hala tuju transformasi sektor awam negara. JTPA akan memainkan peranan penting dalam merangka dasar strategi dan inisiatif pembaharuan yang bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan sektor awam.

Pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation* diterapkan untuk memastikan penyelarasan dasar secara rentas sektor, bagi mendukung Wawasan Brunei 2035 serta Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21, WPA21.

Bagi memperkuuhkan koordinasi dasar kerajaan, JTPA akan menjadikan aspek dasar pro-bisnis, permerkasaan tadbir urus digital serta berkerjasama sektor swasta dan NGO sebagai agenda utama dalam mesyuarat-mesyuaratnya. Melalui pendekatan ini, Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam akan

berperanan dalam menilai keberkesanan inisiatif sedia ada, mengenalpasti jurang pelaksanaan dan mempercepatkan transformasi perkhidmatan awam.

Ini termasuk fokusnya kepada peningkatan produktiviti tenaga kerja, proses kerja dan keberkesanan suasana tempat kerja. Pada peringkat ini, JTPA memfokuskan kepada pelaksanaan dan analisis keadaan semasa, *current state analysis* untuk mengenal pasti jurang dalam Perkhidmatan Awam bagi menilai bidang-bidang keutamaan sambil memastikan sebarang usaha transformasi adalah kekal seajar dengan inisiatif-inisiatif Kerajaan lain ke arah Wawasan Brunei 2035 termasuklah mengambil kira ketiga-tiga *blueprints* Wawasan Brunei 2035 iaitu *Economic Blueprint*, *Manpower Blueprint* dan *Social Blueprint*.

Insya Allah, hasil daripada analisis keadaan semasa ini akan menjadi panduan dalam merangka agenda transformasi Perkhidmatan Awam dalam menumpukan kepada bidang-bidang keutamaan yang strategik dan berimpak tinggi. Sebagai penanda aras dan rujukan, kajian turut di laksanakan mengenai usaha-usaha transformasi di negara-negara yang lain seperti Republik Singapura.

Sekian yang di sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan mengambil ingatan seperti yang sudah tadi bahawa

mana-mana soalan yang belum di jawab secara *specific* akan di jawab secara bertulis pada yang berkenaan maka saya kira cukuplah kita berbahas mengenai dengan tajuk ini.

Tapi sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin kerana menimbulkan Jabatan Majlis-Majis Mesyuarat. Saya bagi pihak Jurutulis, menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Insya Allah apa yang dapat kita laksanakan, akan kita laksanakan.

Maka saya sekarang ingin mencadangkan supaya tajuk ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SA08A hingga SA014A di luluskan. Sila angkat tangan.

**(Ahli-Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Tajuk ini di luluskan.

**Yang Mulia Jurutulis:** Tajuk SA08A hingga Tajuk SA014A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita berunding dan berbincang pada hari ini. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan

kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara.

Saya kira cukuplah kita berunding pada hari ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan. Insya Allah kita akan bersidang semula pada keesokan harinya, iaitu hari Selasa 11 Mac 2025 sebagaimana lazim mulai daripada pukul 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahitaufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**